

Mengapa MALAYSIA?

*(Suatu perbincangan ringkas yang menambah
keimanan, ketakwaan dan kecintaan kepada
agama, bangsa dan negara)*

Oleh

JAMALUDDIN BIN ABDUL JABBAR

Penerbit:

FANSURI DESIGN SDN. BHD.

No. 230 B, Tingkat 2, Jalan Bandar 13,
Taman Melawati, 53100 Kuala Lumpur.
Tel : 03-41069366 Faks : 03-41088288

ISBN 983-8433-10-5

Cetakan Pertama : Disember 2003

Semua Hakcipta Terpelihara

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian,
artikel dan isi kandungan buku ini dalam apa bentuk
dan dengan apa cara jua sekalipun sebelum
mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Harga : RM 8.00

M

059/5

Jhm - 5 JAN 2004

NACIONAL PENJAJIHAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

APB 01130438

Percetakan:

SYARIKAT PERCETAKAN INDERAPURA SDN. BHD.

Jalan Tanjung Api Off Jalan Teluk Sisek,
25050 Kuantan, Pahang Darul Makmur.
Tel : 09-5177031, 5177025 & 5177225
Faks : 09-5139434

DAFTAR ISI


•	Daftar Isi	i
•	Sekalung Budi	ii
•	Warkah Utama Pengarang	iii
•	Mukadimah	iv
	AGAMA	
i.	Agama Islam Adalah Agama Rasmi Negara	3
ii.	Raja Dan Perdana Menteri Adalah Orang Islam	5
iii.	Pemimpin, Cerdik-Pandai Dan Ulama Berganding Bahu Memajukan Negara	7
iv.	Tempat Ibadat Di Malaysia Banyak, Selesa Dan Tiada Gangguan	9
v.	Pendidikan Agama Islam Wajib Diajar Sejak Pra-sekolah Hingga Ke Institusi Pengajian Tinggi	11
vi.	Makanan Halal Di Malaysia Ada Di Mana-Mana	13
	BUMI MALAYSIA	
vii.	Bumi Kita Subur Dan Indah	17
viii.	Iklm Di Malaysia Sederhana	19
ix.	Malaysia Bebas Daripada Malapetaka Dahsyat Seperti Gempa Bumi dan Letupan Gunung Berapi	21
x.	Rezeki Allah Di Malaysia Melimpah ruah	23
xi.	Kampung Halaman Dan Tempat Tinggal di Malaysia Aman Damai	25
xii.	Negara Aman Daripada Peperangan Dan Kemiskinan	27
	BUMIPUTERA	
xiii.	Hak Keistimewaan Bumiputera	31
xiv.	Bahasa Melayu Adalah Bahasa Kebangsaan	33

PERPADUAN


- | | | |
|------|--|----|
| xv. | Malaysia Tidak Menghalang Penganut Mengamalkan Agama Masing-masing | 37 |
| xvi. | Rakyat Berbilang Kaum Hidup Harmoni Dan Bahagia Dalam Satu Negara | 39 |

KEMASYARAKATAN

- | | | |
|---------|---|----|
| xvii. | Skim Bantuan Pendidikan | 43 |
| xviii. | Pusat-Pusat Pendidikan Di Malaysia Baik, Selesa Dan Moden | 46 |
| xix. | Bekalan Air Bersih | 49 |
| xx. | Bekalan Elektrik | 51 |
| xxi. | Kemudahan Jalanraya Yang Baik Dan Sempurna | 53 |
| xxii. | Pusat Perubatan Dan Hospital Kerajaan | 55 |
| xxiii. | Malaysia Mengambil Berat Tentang Kesihatan Akal Dan Fizikal Rakyatnya | 57 |
| xxiv. | Perhubungan Teknologi Komunikasi Meluas Di Malaysia | 59 |
| xxv. | Skim Pinjaman Perniagaan | 61 |
| xxvi. | Kemudahan Pinjaman Hartanah | 63 |
| xxvii. | Kemudahan Pinjaman Perumahan | 65 |
| xxviii. | Bantuan Penternakan Dan Pertanian | 67 |
| xxix. | Mudahnya Mendapatkan Pekerjaan | 69 |
| xxx. | Kemudahan Pinjaman Kenderaan | 71 |
| xxxi. | Bantuan Kemasyarakatan | 74 |
| • | Kesimpulan | 76 |



SEKALUNG BUDI



Untuk ibu dan bapa tercinta
(Norkamariah dan Abdul Jabbar)
yang amat memahami kesusahan anak mereka.

Untuk isteri dan Anak-anak dikasihi
(Uji, Arham, Ahla, Abied dan Affa)
yang setiap saat memberi kekuatan diri.

Untuk keluarga dan Yayasan Pahang
yang mengajar erti terima kasih.

Untuk guru-guru yang tidak terlupakan jasa ilmu
mereka, terutama YH. Dato' Haji Yaakup Isa.

Untuk sahabat-sahabat yang
memberikan sokongan.

Untuk muslimin-muslimat yang gigih bekerja
dan kuat pula ibadatnya, tinggi takwanya
dan ikhlas pula amalnya.

"Terimalah buku kecil yang serba kekurangan
ini, mudah-mudahan ada manfaatnya
pada jiwa yang tenang lagi murni".

WARKAH UTAMA PENGARANG

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ
الْحَمْدُ لِلَّهِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ وَاوَاهُ
سُبْحَانَكَ لَا عِلْمَ لَنَا إِلَّا مَا عَلَّمْتَنَا إِنَّكَ أَنْتَ الْعَلِيمُ
الْحَكِيمُ.

Maha suci engkau (Allah) yang tidak memberi kepada kami ilmu pengetahuan melainkan apa yang engkau (Allah) ajarkan kepada kami sesungguhnya engkau yang Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.

Alhamdulillah, buku kecil ini dapat disiapkan dalam keadaan yang amat sederhana. Penulis sedar terlalu banyak kelemahan dan kekhilafan. Namun hendaknya ia dapat diperbaiki pada hari-hari yang akan datang dalam edisi kedua dan yang berikutnya.

Nikmat Allah tidak mampu dihitung dengan jari-jemari mahupun mesin kira moden, sebagaimana penulis memahami ayat Allah di dalam al-Quran.

﴿وَأَتَاكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعْدُوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا إِنْ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ﴾

إبراهيم : ٣٤

Yang Maksudnya :

"Dan Ia (Allah) telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung

nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya, lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya".

(Surah Ibrahim : 34)

Antara tujuan penulis membukukan buku yang bertajuk "Mengapa Malaysia" adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman penulis bersama para pembaca. Maklumat dan pengalaman kita berada di negeri orang berbanding dengan negara kita sendiri. Seinggalah kita berasa amat bertuah dan bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana dijadikan kita sebagai rakyat Malaysia.

Dengan adanya buku kecil ini penulis harapkan ia akan dapat menambah ilmu pengetahuan kepada para pembaca sekaligus dapat memanfaatkan pengetahuan ini kepada saudara-mara dan sahabat handai terdekat.

Buku kecil ini khusus ditujukan kepada bumiputera di Malaysia dengan harapan mereka akan berfikiran terbuka, rasional, bersatu hati dan taat kepada ajaran Allah dengan sebenar-benar ketaatan. Dalam pada itu, jauh di sudut hati penulis, dengan penuh harapan buku kecil ini hendaknya menjadi jariah kebajikan pada saat penulis tiada lagi. Sesungguhnya sekadar inilah kemampuan penulis meluahkan rasa cinta yang amat sangat kepada Allah, kepada Agama, Bangsa dan Negara. Mudah-mudahan ia diterima oleh Allah dan seluruh muslim di Malaysia.

Bacalah buku ini dengan tenang dan bukakanlah seluas-luasnya pintu fikiran kita, lalu yakinilah bahawasanya Allah s.w.t. telah memberi nikmat iman, akal yang sihat, ilmu dan amal serta keamanan dan kebahagiaan yang amat kita dambakan bersama. Oleh itu syukurlah kepada Allah. Sujudlah kepadaNya dengan penuh keikhlasan dan kemuliaan akhlak diri.

MUKADIMAH KONSEP SYUKUR DALAM PANDANGAN AL-QURAN DAN AL-HADITS

Syukur adalah salah satu sifat yang amat mulia di sisi Allah s.w.t. Ramai orang ingin dan mengaku telah menjadi orang bersyukur, padahal jalan utama untuk sampai seseorang itu disebut sebagai seorang yang bersyukur ialah jalan takwa. Sebab itulah kedudukan syukur dianggap lebih tinggi daripada ketakwaan itu sendiri. Mari kita fahami maksud ayat al-Quran surah al-Imran 123 ini.

﴿ فَاتَّقُوا اللَّهَ لَعَلَّكُمْ تُشْكُرُونَ ﴾

آل عمران : ١٢٣

Maksudnya:

"Bertakwalah kamu kepada Allah mudah-mudahan / supaya kamu bersyukur"

Pada perkara yang lain pula iaitu ketika Rasulullah s.a.w. ditanya, "Kenapakah engkau, Ya Rasulullah bersungguh-sungguh dalam beribadat (sampai bengkok kaki) sedang engkau telah diampuni dosa yang dahulu, sekarang dan akan datang? Rasulullah s.a.w. menjawab dengan sabdanya:

أَفَلَا أَكُونُ عَبْدًا شَكُورًا
رواه البخاري و مسلم

Maksudnya:

Apakah aku tidak suka/senang menjadi seorang hamba Allah yang bersyukur?

Antara maksud orang yang bersyukur itu ialah mereka yang apabila diberi nikmat yang banyak, maka bertambahlah ibadahnya dan bertambahlah ketakwaannya kepada Allah.

Syukur juga sangat berkait rapat dengan kemuliaan berzikir kepada Allah s.w.t. sebagai contoh dalam surah al-Baqarah 152.

﴿ فَادْكُرُونِي أذكُرْكُمْ وَأشْكُرُوا لِي وَلَا تَكْفُرُونِ ﴾

البقرة : ١٥٢

Maksudnya:

"Ingatlah kamu semua kepada-Ku tentu Aku akan ingat pula kepada kamu dan bersyukurlah kamu semua kepada-Ku dan jangan sekali-kali kamu mengkufuri-Ku".

Jelas sekali bahawa zikir kepada Allah itu ialah antara perkara yang amat diutamakan dan berkait rapat pula dengan bersyukur kepada Allah s.w.t.

Orang yang bersyukur dan beriman kepada Allah dengan penuh keikhlasan akan dilindungi Allah s.w.t. daripada siksaan-Nya. Cuba kita fahami ayat al-Quran ini dalam surah 'An-Nisa' 147.


﴿ مَا يَفْعَلُ اللَّهُ بِعَذَابِكُمْ إِنْ شَكَرْتُمْ وَعَامَنْتُمْ ﴾

النساء : ١٤٧

Maksudnya:


Mengapakah (tidaklah) Allah akan menyiksa kamu sedangkan kamu telah bersyukur dan beriman?


Ini merupakan suatu janji Allah pula kepada kita semua yang bersyukur kepada Allah dengan balasan yang mulia (syurga). Sila rujuk al-Quran surah Ali Imran 145.




“ Percayalah negara kita semakin aman dan makmur apabila rakyatnya berilmu dan berakhlak mulia dan percayalah juga negara kita akan mundur dan hancur apabila rakyatnya tiada berilmu dan berperilaku hina. ”

Penulis







AGAMA



“ Apabila kita benar-benar memahami kehendak agama nescaya kita akan dapati agama itu mengajar kita cintakan ilmu pengetahuan, sayang menyayangi sesama insan, bekerja gigih dalam kehidupan, mahukan keamanan dan bencikan kezaliman. Oleh kerana itu pelajarilah agama, nescaya kita akan selamat di dunia dan akhirat. ”

Penulis





Syukur 1



AGAMA ISLAM ADALAH AGAMA RASMI NEGARA

Tidak semua negara yang penduduknya majoriti beragama Islam maka agama tersebut dijadikan agama rasmi. Contohnya Indonesia, meskipun mempunyai bilangan penduduk yang menganut agama Islam terbesar di dunia tetapi agama rasminya melebihi dari satu.

Persoalannya, apa pentingnya Islam dijadikan agama rasmi? Jawapannya cukup mudah iaitu apabila ia dengan jelas termaktub sebagai agama rasmi maka terdapat hak-hak keistimewaan agama tersebut, baik dari aspek pembangunan, kewangan, penganut dan lain-lain. Keistimewaan ini tidak mungkin sama dengan agama yang tidak diletakkan sebagai agama rasmi. Walau bagaimanapun Malaysia amat menjaga keharmonian dan kebebasan beragama ini dengan memberikan keselesaan beribadat, cuti bagi menyambut hari kebesaran agama masing-masing dan pelbagai kemudahan yang lain.

Lihatlah pembangunan umat Islam di negara kita ini yang sebelumnya hanya mendirikan solat di tempat ibadat yang tidak selesa, tempat pendidikan agama yang tidak selesa, perbankkan yang berorientasikan jual beli yang meragukan. Namun hari ini semua perkara yang disebut di atas telah dikemaskini dan diwujudkan dengan sewajarnya. Orang-orang

Islam boleh mengambil insuran secara Islam iaitu takaful dan menyimpan di bank-bank yang berorientasikan Islam. Sekolah-sekolah agama banyak dan peruntukan kewangan untuk masjid dan surau diperolehi melalui kerajaan manakala pendidikan Islam diwajibkan di sekolah-sekolah. Semuanya ini akibat daripada agama rasmi negara adalah Islam.


Kalau mahu dihitung satu persatu peruntukan kewangan, pembangunan, pendidikan, kebajikan dan lain-lain maka tentunya tidak mampu kita melakukannya. Begitulah banyaknya kemudahan dan nikmat yang telah, sedang dan akan diberikan kepada kita. Syukurlah!

Akhirnya apa yang patut kita lakukan ialah mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan diri dalam memahami Islam dengan sebaik-baiknya sehingga kita ini disebut oleh Allah dari kalangan orang-orang yang beruntung dan pandai bersyukur.


Apalah gunanya jika kita hanya berbangga dengan segala kemudahan yang diberikan tetapi kita terus juga berpuashati dengan kejahilan dalam ilmu Islam, tidak pandai membaca al-Quran, malas beribadat dan memandang mereka yang mengajar agama Islam dengan pandangan kelas dua. Marilah bersama-sama kita mengubah diri kita ke arah yang lebih mulia dan diredhai Allah.

Mutiara Kata

Ingatlah, Islam itu maksudnya kesejahteraan dan keselamatan. Oleh itu, siapa yang cintakan kesejahteraan dan keselamatan maknanya ia cintakan Islam.



Syukur 2



RAJA DAN PERDANA MENTERI ADALAH ORANG ISLAM

Kesyukuran yang tiada hingganya kepada Allah apabila Raja yang memimpin tampok pimpinan agama dan Perdana Menteri yang memimpin pentadbiran pembangunan negara, kedua-duanya adalah orang yang beragama Islam.

Orang yang bersama-sama sujud kepada Allah Yang Satu, orang yang dapat membezakan antara yang halal dengan yang haram, kedua-duanya tidak mungkin ingin melihat negara yang dipimpinnya itu diselubungi maksiat, kejahatan dan peperangan, sebaliknya kedua-dua pemimpin ini akan sentiasa dan terus berusaha untuk memastikan negara yang dipimpin mereka dalam limpah rahmat kasih sayang Allah, rakyat yang aman bahagia dan negara yang semakin maju dalam segala aspek.

Sejak dahulu hingga kini kedua-dua pemimpin ini berganding tangan memajukan agama, bangsa dan negara. Sebagai contoh pembangunan industri dan teknologi maklumat seiring dengan pembangunan institusi keagamaan.

Pihak kerajaan yakin pembangunan jasmani yang tidak seimbang dengan pembangunan rohani akan membawa kecacatan kepada bangsa dan negara. Sebab itu, bagaimanapun majunya negara kita, kerajaan sama sekali tidak meninggalkan perkembangan pendidikan agama.


Apa yang patut dimaklumi dan difahami oleh mereka yang bukan beragama Islam ialah mereka tidak perlu berasa bimbang dan tidak puas hati kerana Raja dan Perdana Menteri yang beragama Islam tidak akan menzalimi pihak yang tidak seagama dengan mereka.

Raja dan Perdana Menteri amat arif bahawa Islam tidak pernah mengajar "Kezaliman" terhadap agama yang berbeza, malah Islam mengakui bahawa "Doa orang yang dizalimi akan dimakbulkan Allah" tidak kira ia muslim atau sebaliknya.


Raja dan Perdana Menteri yang bertakwa dan soleh tentu sekali akan melahirkan pemimpin-pemimpin bawahannya yang soleh juga. Orang yang bertakwa dan taat kepada Allah selalunya pengasih dan penyayang kepada rakyat. Ini terbukti dengan kemesraan, kemurahan hati para pemimpin seperti bersedekah kepada rakyatnya yang susah dan memerlukan pertolongan. Inilah bukti mereka mengambil berat tentang kesusahan dan kesenangan rakyat di bawah pemerintahan mereka.

Antara sifat terpuji yang ada pada kedua-dua pemimpin ini ialah mereka mempunyai pandangan yang jauh dan luas ke hadapan, yang semuanya untuk kepentingan bangsa dan negara. Mereka tidak tamak dan tidak pula membazir malah jauh sekali daripada melakukan perkara-perkara haram seperti minum arak, berzina, berjudi, menzalimi mereka yang tidak bersalah dan lain-lain seumpamanya. Mudah-mudahan mereka berlindung dengan Allah daripada melakukannya. Kita yakin mereka belum pernah dan tidak akan pernah melakukannya. Amin.

Syukurlah kepada Allah s.w.t. dan hendaknya Raja dan Perdana Menteri kita Malaysia sentiasa teguh dan patuh kepada agama Islam sebagaimana mereka laksanakan hari ini.



Syukur 3



PEMIMPIN, CERDIK-PANDAI DAN ULAMA BERGANDING BAHU MEMAJUKAN NEGARA

Walau bagaimanapun caranya untuk mendapatkan keharmonian dalam sesebuah rumah tangga, mestilah bermula dari kerjasama dan saling memahami antara suami dan isteri. Begitu halnya untuk majukan sebuah organisasi, baik yang besar mahu pun kecil; mestilah diamalkan dengan pengurusan yang cekap, saling tolong-menolong antara pengurusan atau kakitangannya.

Kalau begitu, bagi sebuah negara seperti Malaysia yang semakin hari semakin maju dan mengambil berat tentang kepentingan rakyatnya tentulah pula kerjasama antara pemimpin dan para cendekiawan atau disebut juga ulama telahpun bermula dan bersepakat erat dalam hubungan, pengalaman intelektual mereka bagi memastikan peningkatan kemajuan dalam pendidikan, agama, ekonomi, politik negara.

Kecekapan mentadbir dalam pengurusan kerajaan dan kesungguhan para pemimpinnya memimpin negara akan bertambah mantap apabila gabungan fikiran ilmuan dapat dijalinkan bersama dalam satu ikatan yang kukuh memaju dan membangunkan bangsa, agama dan negara yang kita cinta.

Pemimpin kerajaan setiap masa memikirkan pembangunan negara, manakala ulama dan ilmuan juga turut memikirkan

akhlak budi dan keilmuan insan. Inilah yang kita mahukan. Kita yakin siapapun yang kita tanya pendapatnya tentang cita-cita peribadinya pada masa hadapan akan bersetuju dan sependapat dengan kita apabila jawapannya ialah berjaya dan bahagia di dunia serta berjaya dan bahagia pula di akhirat.

Kesepakatan Ideologi pemimpin, ulama dan ilmuan ini suatu perkara yang amat penting. Ia menentukan kebahagiaan, ketenangan, kedamaian dan keselamatan umat dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.


Oleh itu, jangan kita hinakan pemimpin kita dan jangan kita perkecilkan peranan ulama dan ilmuan negara. Ia adalah 'asek emas' yang tidak pernah turun nilai kerana iklim dunia.

Bersyukurlah kepada Allah dengan doa dan harapan agar gandingan bahu pemimpin dan ulama ini terus berpanjangan sepanjang zaman.


Kata-kata Hikmah

Selamatlah orang yang berilmu, kerana ia menyelamatkan dirinya dan orang lain dengan ilmu yang dimilikinya. Celakalah orang yang jahil kerana ia hinakan dirinya dan orang lain dengan kejahilannya.





Syukur 4



TEMPAT IBADAT DI MALAYSIA BANYAK, SELESA DAN TIADA GANGGUAN

Alhamdulillah, hari ini kalau kita rajin dan biasa pergi ke masjid-masjid untuk menunaikan solat jemaah atau Jumaat, kita akan dapati bahawa masjid kita begitu baik, luas, selesa dan indah.

Marilah kita kenangkan sejenak tempat-tempat ibadat sebelum merdeka, tahun 60-an dan 70-an. Masjidnya kebanyakan diperbuat daripada kayu dan karpetya adalah tikar mengkuang. Kini jauh berbeza. Kenapa? Kerana kesedaran pemimpin dan kesedaran masyarakat dalam beragama semakin meningkat dan akhirnya perkara ini diambil berat.

Dahulu setiap mukim cuma ada sebuah sahaja masjid tetapi hari ini hampir setiap satu kampung ada sebuah masjid.

Dahulu kalau kita bermusafir, contohnya dari Pahang ke Perak, kita kesulitan untuk mendirikan solat jamak dan qasar, mungkin terpaksa membawa air untuk berwuduk dan membawa tikar untuk mengerjakan solat tetapi hari ini masjid-masjid banyak didirikan di tepi jalan ia diperbuat daripada batu-bata yang baik, luas, selesa dan berkarpet.

Dahulu masjid hanya diterangi dengan api pelita minyak tanah tetapi hari ini masjid kita diterangi oleh cahaya elektrik.

Dahulu berwuduk menggunakan air perigi dan sungai tetapi hari ini hampir semua masjid menggunakan saluran air paip bagi memudahkan umat Islam berwuduk.

Semuanya ini anugerah Allah hasil kebijaksanaan dan prihatin mereka yang bertanggungjawab.


Oleh itu, ucapkanlah rasa syukur yang tiada hingganya kepada Allah kerana segala perubahan kemajuan ini adalah antara nikmat yang besar yang Allah anugerahkan kepada kita dan negara kita Malaysia.

Janganlah ada di antara kita yang menganggap remeh pada keselesaan dan kecantikan tempat ibadat. Padahal keselesaan dan kecantikan tentunya akan memberi kekhusyukan dan ketenangan pula kepada kita semasa kita menunaikan ibadah.


Masjid yang tidak panas, tidak banyak nyamuk, bersih, luas dan nyaman akan memberi semangat (motivasi) kepada kita untuk terus berduyun-duyun datang ke masjid-masjid mahupun ke surau-surau. Apatah lagi masjid-masjid tersebut aktif dengan pelbagai program yang membina ilmu kepada anak bangsa kita.

Muhasabah

Pergilah ke masjid pada masa lapang dan pada masa sibuk, pada masa muda dan pada masa tua. Sesungguhnya di sana ia mengajar kita ilmu yang berguna, mengajak kita mententeramkan jiwa dan menghindarkan kita daripada dosa.



Syukur 5



PENDIDIKAN AGAMA ISLAM WAJIB DIAJAR SEJAK PRA-SEKOLAH HINGGA KE INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

Tentulah menjadi kebanggaan seluruh umat Islam di tanah air kita apabila pendidikan agama Islam diwajibkan oleh kerajaan untuk diajarkan kepada pelajar beragama Islam tanpa mengira institusi kerajaan ataupun swasta. Sesungguhnya perkara ini adalah antara perkara yang membezakan negara kita dengan negara lain.

Walaupun kurikulum pendidikan agama Islam yang diajarkan di sekolah umum adalah sekadar pengetahuan asas tidak seperti sekolah-sekolah agama yang menjadikannya sebagai asas pendidikan dalam semua disiplin ilmu namun sepatutnya ibubapa dan anak-anak tetap berasa bangga dan bertuah kerana asas yang diberikan itu seharusnya pula menjadi motivasi kepada mereka untuk terus mendalaminya melalui buku-buku agama, ceramah umum, kaset-kaset pendidikan agama, tazkirah di masjid-masjid dan lain-lain.

Eloklah kita bersyukur kepada Allah kerana kesedaran kerajaan tentang pentingnya pendidikan agama Islam ini. Ini menjadikan semua anak-anak kita mendapat pendidikan agama Islam di sekolah-sekolah dengan percuma dan tidak perlu lagi menghantar ke sekolah atau ke kelas-kelas lain. Bayangkanlah sekiranya pendidikan agama Islam tidak diwajibkan di sekolah-sekolah, tentu sekali begitu ramai ibu bapa yang kehilangan

anak yang beragama. Masa depan negara akan dipimpin oleh orang-orang yang tidak mentauhidkan Allah malah bertuhankan pangkat, harta dan nama semata-mata.

Sesungguhnya pangkat, harta dan nama adalah suatu perkara yang penting dalam kehidupan tetapi ia akan menjadi bala dan sia-sia belaka apabila suruhan yang Allah wajibkan kepada kita tidak dilaksanakan dan ditaati dengan penuh keikhlasan.

Marilah kita melapangkan fikiran dan perasaan serta memberi ruang kepada akal kita yang sihat ini untuk turut dan terus bersyukur kepada Allah s.w.t. Sesungguhnya anak-anak kita ini bakal mewarisi kepimpinan masa depan negara tercinta. Merekalah yang akan terus mendaulatkan agama dan bangsa bermula dengan asas yang baik di peringkat sekolah sekaligus disokong dengan kesedaran masyarakat yang cukup baik tentang peri pentingnya pendidikan agama Islam, sejak dulu, sekarang, hinggalah akan datang.


Ingatlah.

Sesungguhnya agama yang diredhai oleh Allah hanyalah agama Islam. Maka berpegang teguhlah kita kepada ajarannya dengan ketaatan yang luar biasa. Tapi ingat! Jangan meninggalkan dunia kerana tanpa hidup mulia di dunia bagaimana kita akan masuk syurga?



Gambar Pra-sekolah

Gambar salah satu Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia yang sedang diperbesarakan lagi.



Syukur 6



MAKANAN HALAL DI MALAYSIA ADA DI MANA-MANA

Makanan adalah asas kehidupan bagi manusia manakala **makanan** yang halal adalah suatu perkara yang dituntut dalam agama Islam. Oleh kerana Islam adalah agama rasmi di Malaysia. Maka makanan halal amat diberikan perhatian dan di ambil berat oleh pihak kerajaan dan juga masyarakat.

Makanan dan minuman yang haram ialah seperti daging babi serta yang berkaitan dengannya, anjing, binatang yang tidak disembelih atau disembelih bukan dengan nama Allah, makanan mahupun minuman yang memabukkan atau merosakkan akal dan lain-lain.

Oleh itu , adalah menjadi suatu yang membanggakan kita tinggal di Malaysia kerana mudahnya kita membezakan mana makanan yang haram dan mana yang halal. Begitu halnya kita patut sama-sama syukuri ialah kita mendapat kemudahan untuk memilikinya di mana saja kita berada, tidaklah seperti di negara-negara luar terutamanya di Eropah yang bukan sahaja sulit untuk mendapatkannya tetapi sulit pula untuk membezakan mana yang halal dan mana yang haram. Ada beberapa negara lain makanan halal diletakkan harga yang lebih mahal berbanding makanan yang haram, sebagai contoh ayam yang di sembelih lebih mahal berbanding dengan ayam yang tidak disembelih. Kawalan dan dasar mengambil berat

kerajaan mengenai makanan halal atau haram melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) patutlah dipuji dan diucapkan terima kasih; manakala kepekaan masyarakat mengenainya juga patut kita syukuri dan sanjungi.

Dalam Islam makanan atau minuman halal adalah perkara yang amat penting. Makanan akan menjadi darah daging untuk membesar dan menyihatkan kita. Tentulah menjadi perkara yang menakutkan jika darah daging kita adalah dari sumber yang haram, kerana menurut keyakinan umat Islam bahawa makanan dan minuman yang haram mungkin akan memberi kesan yang tidak baik pula kepada fizikal, mental mahupun jiwa seseorang.

Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu kewajipan kepada kita, baik kerajaan mahupun masyarakat Islam di Malaysia memperingkatkan kawalan diri dan sekurang-sekurangnya mempertahankan peraturan-peraturan kerajaan yang telah sedia ada.

Ingatlah pesan hadis dalam maksudnya:

*“Sesungguhnya halal itu jelas (mudah untuk mengetahuinya) dan yang haram pun jelas (mudah untuk mengetahuinya)....
.....”*


Riwayat: Al-Bukhari dan Muslim

Nasihat

Hindarilah diri dan keluarga kita daripada perkara-perkara haram dan jauhi ia daripada dinikmati dan dimiliki. Sesungguhnya perkara yang haram itu menjijik dan merosakkan jiwa dari ketenangan dan kebahagiaan hidup.





***BUMI
MALAYSIA***



“ Bumi Malaysia akan bertambah nyaman, indah dan cantik apabila semua penduduknya menjaga kebersihan alam semulajadi ciptaan Allah dengan baik dan tertib. ”

Penulis





BUMI KITA SUBUR DAN INDAH

Sekiranya kita menziarahi negara-negara di Timur Tengah atau Afrika kita dapati kebanyakan negara tersebut tidaklah mempunyai hutan rimba seperti di negara kita. Air terjun dan sungai yang mengalir tidaklah seindah negara kita. Maka tidaklah mustahil dan menjadi asing bagi kita apabila ada di antara mereka yang datang melawat dan bekerja di Malaysia menganggap **Malaysia bagaikan syurga**. Tetapi amatlah pelik kiranya ada warganegara Malaysia sendiri yang mengkritik negaranya dan merasakan pula bumi Malaysia bagaikan neraka.

Tanah ladang negara orang lain tidak sesubur tanah ladang negara kita. Lihatlah dengan mata kepala kita sendiri di Afghanistan, Mesir, Arab Saudi, India dan lain-lain. Jika mereka ingin bercucuk tanam dan berladang mereka terpaksa membeli tanah dan meletakkan baja sebanyak-banyaknya untuk memastikan kesuburan, kerana bumi mereka berpasir tidak seperti di negara kita. Pokok rambutan, durian, manggis dan langsung boleh hidup di mana-mana. Lada, petai, sawi, kangkung, dicampakkan bijinya pun boleh hidup dengan baik.

Bila difikirkan semula, inilah namanya anugerah nikmat yang besar daripada Allah kepada kita. Oleh itu adalah menjadi kewajipan kepada kita penduduk Malaysia untuk rajin bekerja.

bercucuk tanam dan berladang sebagai dalil jelas yang menunjukkan kita adalah termasuk antara golongan orang yang bersyukur kepada Allah atas hadiah nikmat yang tidak ternilai ini.


Tanda orang yang bersyukur itu bukan hanya sekadar menunaikan perkara wajib yang disuruh oleh Allah s.w.t. dan meninggalkan perkara yang dilarang oleh Allah s.w.t. malah ia menjaga mulutnya dari mengungkapkan perkara-perkara yang boleh mengkufuri nikmat imannya. **Sebagai contoh, jika ada orang menganggap Malaysia sebagai negara maksiat** atau bumi Malaysia bagaikan neraka, kita wajarlah memperbetulkannya.

Sesungguhnya yang menyebabkan sesuatu perkara bagaikan neraka ialah akibat kejahilan dan kesombongan manusia. Sesuatu perkara itu menjadi indah, berjaya dan mulia bagaikan di syurga juga adalah akibatnya dari keikhlasan dan kesungguhan manusia itu sendiri.


Oleh itu, syukurilah nikmat itu dengan penuh kematangan ilmu dan terbuka bukannya dengan tafsiran yang amat sempit dan tidak bercambah.

Nasihat Imam al-Ghazali

"Sesungguhnya orang itu belum lagi layak menerima darjah seorang yang bersyukur selagi ia tidak melihat dengan keyakinan, bahawa segala apa kejadian di alam ini adalah hasrat ciptaan Allah.



Syukur 8



IKLIM DI MALAYSIA SEDERHANA

Pernahkah anda mendengar ada orang Arab menganggap iklim dan pemandangan di Malaysia bagaikan di syurga? Maknanya iklim negara kita tentulah menyeronokkan, tenteram, nyaman dan cantik. Pelbagai pandangan dan pendapat orang-orang asing mengenai iklim dan keindahan Malaysia yang membanggakan kita. Apabila dibandingkan dengan negara orang, ada di antaranya apabila sejuk sehingga pecah-pecah bibir serta boleh membawa maut dan apabila panas seperti bara api panasnya. Di negara kita tidak seperti itu, malah sentiasa sederhana.

Kalau itulah yang kita sedar betapa iklim sederhana dan keindahan sebagai kurniaan nikmat Allah yang amat besar nilai tentulah kita merasa bertuah dan bersyukur tinggal di negara ini. Orang yang pandai bersyukur kepada Allah adalah orang yang amat istimewa pada pandangan-Nya. Namun perlulah diingatkan kembali bahawa ketakwaan kepada Allah adalah salah satu syarat utama bagi seseorang untuk disebut sebagai hamba Allah yang bersyukur.

Kalimah syukur dan alhamdulillah yang hanya manis di bibir sahaja tanpa ketaatan untuk bersolat lima waktu, tanpa kekukuhan kepercayaan yang mendalam pada rukun Islam, iman dan akhlak yang mulia adalah amat sia-sia. Janganlah

kita mudah merasa kecewa dan putus asa, sesungguhnya peluang kita untuk menjadi orang yang benar-benar bersyukur kepada Allah masih lagi terbuka.

Oleh itu, marilah kita bersama-sama, bermula dari saat ini, mendidik diri dengan pendidikan taklim, tarbiyah dan takdib perlahan-lahan, satu demi satu tanpa jemu sehingga wujudlah kita sebagai insan yang patuh pada perintah Allah tanpa ragu-ragu.


Sesungguhnya keistimewaan dan pelbagai kelebihan yang Allah ciptakan dan adakan di bumi Malaysia ini adalah untuk kita berfikir tentang kebesaran dan kehebatan Allah. Di samping itu ia menguji khalifah-Nya yang memimpin bumi Malaysia ini ke arah ketakwaan, kemuliaan dan keadilan.

Janganlah kita beranggapan bahawa musibah kesusahan sebagai satu-satunya dugaan dan ujian, tetapi kadang-kadang Allah menguji kita dengan kenikmatan yang berlimpah-ruah dibentang dan dihidangkan di depan mata dan mulut kita.


Ingatlah, ada orang mampu menghadapi musibah kesusahan dengan ketakwaan dan keimanan tetapi apabila ia diuji dengan kekayaan dan kemewahan ia mula lupa diri. Begitulah sebaliknya ada orang mampu menghadapi kekayaan dan kemewahan dengan ketakwaan dan keimanan tetapi apabila ia menghadapi musibah kesusahan ia mula lupa diri kepada Allah. Hendaknya kita tidak begitu.

Muhasabah

Teguhkanlah keimanan dan ketakwaan, dalam keadaan kita susah mahupun senang, dalam keadaan kita sakit mahupun sihat dan dalam keadaan kita miskin mahupun kaya.



Syukur 9



MALAYSIA BEBAS DARIPADA MALAPETAKA DAHSYAT SEPERTI GEMPA BUMI DAN LETUPAN GUNUNG BERAPI.

Tidak terfikirkan kita untuk melihat keajaiban gunung berapi yang meletup dan mencairkan batu-batu yang amat panas? Meskipun ia adalah suatu yang menakjubkan dan dilawati jutaan manusia setiap tahun seperti yang berlaku di Indonesia, tetapi ia amat berbahaya kepada penduduk yang berhampiran.

Begitu juga dengan gempa bumi yang berskala tinggi sehingga meragut nyawa puluhan ribu manusia yang pernah berlaku dalam sejarah dunia. Segala bangunan hancur musnah dan amat mengerikan. Ini berlaku di Jepun, Filipina, Mesir, Indonesia dan tempat-tempat lain meskipun belum berlaku di Malaysia.

Alhamdulillah! Kedua-dua bencana alam tersebut belum pernah berlaku di Malaysia. Penduduk di Malaysia merasa amat tenteram dan tidak merasa bimbang dengan perkara tersebut. Kerajaan tidak perlu ragu-ragu untuk mendirikan bangunan yang tinggi-tinggi dan membina jalan yang cantik dan berlapis. Tidak ada gempa bumi mahupun letupan gunung berapi yang boleh menghancurkan dan membinasakan pelaburan yang bernilai ratusan juta ringgit itu.

Oleh itu, sebagai orang yang telah dewasa dan mempunyai

fikiran dan perasaan mengenal Allah tentulah kita amat merasa bertanggungjawab dan bersyukur dengan tiadanya dua bencana alam tersebut. Allahlah yang mengadakan dan Allahlah jua yang meniadakannya. Dia yang Maha Kuasa lagi Maha Bijaksana.

Bersyukurlah kepada Allah, patuh dan sujudlah kepada-Nya, biarpun kita sibuk dengan urusan dunia tetapi tidak pernah sesaatpun melupakan kebesaran dan ajaran-Nya.


Malapetaka gempa bumi atau letupan gunung berapi ialah perkara yang menakutkan seluruh penduduk dunia. Kerajaan atau pemerintah akan berasa serba salah untuk melabur berjuta dan berbilion wang kalau kawasan itu memang terletak dalam lingkungan gempa bumi atau berhampiran gunung berapi yang masih aktif.

Sehingga hari ini tiada peralatan moden yang dapat menghalang perkara ini daripada tidak berlaku.


Itulah sebabnya masyarakat Islam di Malaysia amat bertuah dan bersyukur kepada Allah kerana malapetaka tersebut belum pernah berlaku di negara kita.

Kata-kata hikmah

- *Beruntunglah orang yang memiliki dunia di tangannya dan memiliki akhirat di hatinya.*
- *Rugilah orang yang memiliki dunia di tangannya dan tidak memiliki akhirat di hatinya.*
- *Amat rugilah orang yang tidak memiliki dunia di tangannya dan tidak pula memiliki akhirat di hatinya.*



Syukur 10



REZEKI ALLAH DI MALAYSIA MELIMPAH RUAH

Alhamdulillah, sejak sebelum merdeka lagi, kita dimudahkan Allah untuk mendapatkan rezeki. Belum pernah kita dengar orang di Malaysia mati kebuluran disebabkan tiada makanan.

Dahulu masyarakat yang tinggal jauh dari laut, hanya boleh makan ikan-ikan darat seperti ikan sungai, paya, tasik dan lain-lain. Tetapi hari ini masyarakat Malaysia berpeluang untuk mengubah selera. Ikan laut boleh didapati dengan mudah di kawasan yang tinggal jauh dari laut. Perkara ini berlaku akibat kemudahan dan peralatan moden yang digunakan oleh masyarakat kita.

Dahulu masyarakat kampung hanya boleh memakan sayuran tradisional seperti kangkung, pucuk ubi, rebung, pucuk paku dan lain-lain tetapi hari ini masyarakat kampung bukan sahaja masih boleh memakan sayuran tersebut malah sayuran seperti kobis, lobak, tomato, asparagus, kacang dan lain-lain boleh didapati dengan mudah di kedai-kedai.

Bukti yang paling jelas banyaknya rezeki di Malaysia ialah ramainya warganegara asing bekerja di sini, seperti pendatang dari Indonesia, China, Bangladesh, India, Thailand dan lain-lain.

Pelbagai peluang pekerjaan boleh kita dapati di Malaysia, sama ada bekerja dengan pihak kerajaan atau swasta atau kita bekerja sendiri.

Kalau difikirkan dengan fikiran yang terbuka dan matang, rasanya **tidak mungkin** rakyat Malaysia atau siapa saja yang tinggal di Malaysia sejak dahulu hingga hari ini akan mati kebuluran disebabkan tiada makanan. Orang-orang yang tiada berpelajaran pun boleh hidup senang dan berharta apalah lagi bagi mereka yang berpelajaran dan berpendidikan tinggi.


Firman Allah di dalam al-Quran

Sebagaimana maksudnya:


"...Makan dan minumlah daripada rezeki yang Allah (berikan kepada kamu) dan janganlah kamu membuat kerosakan/kehancuran/kacaubilau di bumi ini.

(Surah al-Baqarah : 60)





Syukur 11



KAMPUNG HALAMAN DAN TEMPAT TINGGAL DI MALAYSIA AMAN DAMAI

Alhamdulillah kampung halaman dan tempat tinggal kita hari ini aman damai. Kita tidak perlu takut tinggal di rumah sendirian mahupun kita bepergian mencari rezeki seharian. Tiada peperangan, tiada pembunuhan yang berleluasa sebagaimana yang berlaku di sesetengah negara lain.

Keamanan kampung halaman ini menjadikan kita lebih mudah menjalani kehidupan harian, tiada perasaan bimbang dan takut untuk pergi membeli-belah, ziarah-menziarahi sanak saudara, kawan dan taulan di mana saja mereka berada.

Tidak terjadi di negara kita tembak-menembak, letupan bom, rompakan dan pembunuhan beramai-ramai. Kita sesungguhnya hidup aman dan damai, bahagia dan mulia sepanjang masa.

Lihatlah dengan tenang, dengan fikiran yang terbuka, apakah ada anak kita yang kehilangan anggota akibat peperangan dan apakah ada anak dara atau isteri kita yang diperkosa dan dibunuh hidup-hidup seperti yang berlaku di Bosnia Herzegovina? Semua pertanyaan itu jawapannya **tiada**. Tiada di negara kita, tiada di kampung halaman kita dan mudah-mudahan tiada selama-lamanya. Itulah doa kita.

Oleh kerana itu, bersyukurlah kita kepada Allah s.w.t. dan

berterima kasihlah kepada mereka yang berfikir, merancang dan melaksanakan tugas yang begitu cemerlang.

Marilah kita mempertahankan kampung halaman kita ini dengan kedamaian dan keamanan demi kebahagiaan kita bersama.

Ingatlah! Jika pemimpin kita gagah, negara kitapun gagah dan negara kita tidak mungkin dijajah. Tetapi jika pemimpin kita lemah, negara kita pun lemah, bangsa pun lemah dan akhirnya negara dan agama kita dijajah.

Sesungguhnya apa yang ada sekarang adalah nikmat yang besar, yang mesti kita pertahankan dan syukuri bersama.

Hidup tenang, bahagia dan aman adalah tuntutan dalam Islam. Juga merupakan tuntutan semua agama. Tidak pernah ada dalam mana-mana ajaran agama yang menginginkan kekecohan, peperangan dan pembunuhan.


Ini lah yang diajarkan di dalam Islam. Segala perlakuan, ketetapan dan arahan yang mengajak kepada kebaikan ummah tentulah diharapkan mendapat ganjaran pahala.

Ingatlah maksud ayat al-Quran, Surah al-Zalzalah ayat 7 dan 8.

﴿ فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴾ (٧) وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

الزلزلة : ٧ - ٨

"Maka siapapun yang melakukan kebaikan walaupun sebesar zarah (sangat kecil) akan diperlihatkan (diberi balasan oleh Allah) dan siapa yang melakukan kejahatan pula walaupun sebesar zarah (sangat kecil) akan diperlihatkan (diberi balasan oleh Allah).



Syukur 12

NEGARA AMAN DARIPADA PEPERANGAN DAN KEMISKINAN

Sesungguhnya seluruh dunia mengetahui tentang sengsaranya hidup orang-orang Palestin, Bosnia, Aceh, India dan lain-lain. Ramai rakyat mereka mati atau hidup sengsara bukan hanya disebabkan oleh peperangan tetapi juga disebabkan kemiskinan.

Ada negara yang menjadi miskin akibat peperangan dan ada juga yang menjadi negara miskin akibat tanah yang tidak subur atau dasar politik negara yang tidak stabil.

Peperangan menjadikan rakyat hidup sengsara dan negara menjadi porak peranda. Kesan fenomena ini boleh dibahagikan kepada dua iaitu:

- (1) Peperangan dengan negara lain
- (2) Peperangan yang berlaku dalam negara sendiri akibat perselisihan faham dalam agama, politik, suku kaum dan lain-lain.

Walaupun peperangan dan kemiskinan itu hanya berlaku di negara-negara lain tetapi tidak mustahil ia berlaku di negara kita jika kita tidak bersatu hati untuk memajukan bangsa, agama dan negara dengan kekuatan ilmu dan kemuliaan jiwa yang padu. Bayangkanlah betapa tidak tenteramnya hidup kita jika

negara kita berperang dengan negara luar atau sesama sendiri. Kita takut untuk bergerak ke sana dan ke sini. Kita bimbang kita akan di bunuh, kita risau keluarga disiksa dan diperkosa. Setiap hari keluarga, saudara mara, kawan, jiran dan anak bangsa bergelimpangan dengan tubuh yang menggerikan dan darah merah yang mengalir ke bumi.


Kalau ditanya mahukah kita hidup dalam keadaan ketakutan dan dukacita?. Tentulah dengan spontan akan menjawab "tidak mahu". Kalau begitu pertanyaannya lagi, bagaimana caranya untuk mempertahankan negara kita agar sentiasa aman dari peperangan? Apa yang harus pemimpin lakukan? Apa yang patut belia dan remaja persiapkan? Sudahkah kita membeli senjata ilmu, senjata akhlak, senjata bersatu dan senjata perang? Kalau jawapannya "Sudah", sudah bersediakah kita untuk menggunakannya?.


Sayangi dan jauhilah negara kita ini daripada berlakunya peperangan dan dilanda kemiskinan. Pertahankanlah keamanan ini agar kita, anak-anak kita dan segala keturunan kita sihat, bahagia, harmoni untuk melakukan ibadah, mendapatkan pendidikan di sekolah, ceria membeli-belah dan seronok berlari ke sana ke mari.

Inilah nikmat aman dan inilah nikmat bersatu hati untuk memajukan agama, bangsa dan negara. Oleh itu kalimah yang paling mulia yang patut dilafazkan ialah "Alhamdulillah". Allahlah tempat kita mengadu kesusahan dan kesenangan dan kepada-Nya jua kita bersyukur atas segala nikmat yang diberi.

Nasihat


Manusia meskipun ia kaya, cantik, sihat, berkuasa dan ternama tetapi akhirnya mati jua. Kerana-Nya kita hidup dan kerana-Nya pula kita kembali. Perjuangkanlah kehidupan dengan kesungguhan dan persiapkanlah kematian dengan amalan dan pengabdian yang berakar umbikan keikhlasan.







“ Bumiputera yang bijaksana ialah bumiputera yang menggunakan segala kemudahan kerajaan yang diberikan kepadanya dengan bijaksana pula. ”

Penulis





Syukur 13



HAK KEISTIMEWAAN BUMIPUTERA

Bagi mereka yang disebut sebagai kaum bumiputera tentu sekali merasa bersyukur dan berterima kasih kepada pihak yang bertanggungjawab menentukan hak keistimewaan kaum bumiputera.

Datuk, nenek, moyang dan segala cucu cicitnya adalah yang asal menghuni Tanah Melayu. Sudah pasti kita mahukah keistimewaan atau kelebihan tersendiri yang menampakkan satu keadilan sebagai tuan rumah berbanding mereka yang datang kemudian menetap di Tanah Melayu dan seterusnya lahir dan bermastautin di bumi kita. Namun kewujudan mereka tetap dihormati dan sesuai dengan budaya kita yang mengetahui adanya hak tetamu dan kemuliaannya.

Sepatutnya hak keistimewaan bumiputera seperti kouta tanah bumiputera, kouta bumiputera untuk memasuki institusi pengajian tinggi awam, kouta bumiputera untuk memiliki rumah dengan harga yang lebih rendah, raja/sultan mestilah orang Melayu sama sekali tidak perlu dipertikaikan. Apabila tuan rumah menguasai dan tidak terasa asing di rumahnya sendiri barulah keadilan berlaku.

Bayangkanlah jika hak keistimewaan ini tidak ada, apa yang akan terjadi kepada kaum bumiputera? Sedangkan hak

keistimewaan ini diberikan kepada bumiputera, bumiputera masih lagi ketinggalan berbanding dengan kaum lain khususnya seperti penguasaan bidang perniagaan, mekanik, IT, kecemerlangan pendidikan yang semuanya melahirkan usahawan-usahawan yang menguasai ekonomi.

Bersyukurlah dengan adanya Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang banyak membantu kita untuk sedar dan bangun mengenali dunia kita sendiri, belajar mensyukuri nikmat, belajar memahami betapa pentingnya politik, pendidikan, perniagaan, kestabilan ekonomi, bersatu padu dan mengambil hak keistimewaan sebagai satu peluang bukan semata-mata untuk mengaut keuntungan individu.


Itulah harapan kerajaan kita supaya bumiputera sedar betapa besarnya faedah hak keistimewaan bumiputera. Terimalah hak keistimewaan ini dengan keadaan sedar dan berterima kasih sekaligus menukar perwatakan bumiputera yang lembab dan layu kepada bumiputera yang gagah dan rajin dalam semua bidang yang diceburi, pastikan kita hari ini "duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi". Jangan sampai duduk kita rendah berdiri pun kita rendah".

Ingatlah

Sekali kita melakukan dosa, sekali pula kita menempah malapetaka. Dosa itu malapetaka sedangkan pahala itu pengubat jiwa.



Bumiputera mendapat kemudahan membeli rumah dengan harga yang lebih murah.



Syukur 14



BAHASA MELAYU ADALAH BAHASA KEBANGSAAN

Takkan Melayu Hilang Di Dunia, begitulah yang sama-sama kita maklumi. Frasa ini lahir dari lidah seorang laksamana Melayu Melaka, Hang Tuah namanya. Tentulah ia membawa erti orang Melayu perlu mempertahankan keturunan, adat budaya dan lebih-lebih lagi bahasa yang kita cintai sesuai dengan pepatah Melayu yang lain **bahasa menunjukkan bangsa**.

Oleh itu, kita benar-benar berasa bersyukur dan memuji terhadap apa yang dilakukan oleh kerajaan iaitu menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara. Oleh kerana bahasa ini diagungkan di negara kita maka diwajibkan pula bagi mereka yang ingin bekerja di jabatan-jabatan kerajaan lulus dengan kepujian dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Walaupun bahasa Inggeris juga dianggap penting oleh kerajaan kerana kedudukannya sebagai bahasa perhubungan utama antarabangsa hari ini tetapi ia adalah keperluan bukannya kewajipan yang membanggakan sebagaimana mempertahankan bahasa Melayu.

Bahasa Melayu yang mempunyai puluhan dialek serta loghat yang tersendiri adalah suatu yang sangat berharga dan tidak


mampu dinilai dengan wang ringgit. Ia adalah warisan nenek moyang kita yang telahpun memperjuangkan kemajuan dan kemerdekaan negara kita ratusan tahun yang lalu. Kita adalah darah daging mereka. **Jangan sampai kita disebut Melayu mudah lupa.**

Warisilah bahasa ini dengan bangga, sebarkanlah bahasa ini ke seluruh dunia sebagai lambang kekuatan kita bangsa Melayu di puncak kemajuan dunia. Bahasa kita adalah harta kita. Walaupun kita mempunyai kemampuan memahami dan bertutur bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Perancis, Arab, Cina, Sepanyol tetapi ia tetap bahasa asing. Orang punya bukan kita punya. Harta orang bukan harta kita. Walau bagaimanapun penguasaan bahasa asing adalah suatu kelebihan yang membangga dan menguntungkan dalam dunia hari ini. Namun ia tidak pula memberi makna bahasa Melayu bahasa yang layu dan tidak berharga.

Kita yakin orang Melayu pun boleh maju lebih daripada bangsa lain. **Lihatlah bangsa Amerika dan Jepun mereka maju bukan kerana menukar bahasanya tetapi menukar tabiat diri daripada lembab menjadi cergas, malas menjadi rajin, bodoh menjadi cerdik, penakut menjadi berani, lembik menjadi gagah.** Mereka maju bersama maruah bahasa dan bangsa. Begitulah kita hendaknya. Cukuplah sekadar menguasai bahasa mereka, bukan berbangga kerananya.


Eloklah kita mempertahankan maruah bahasa dan bangsa dan marilah kita bersyukur dengan ketetapan yang ada dengan memberikan sokongan kepada kerajaan dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa ibunda.







“ Tidak ada sebuah rumahtangga atau sebuah negara yang boleh hidup bahagia dan mulia tanpa adanya perpaduan dalam kehidupan. ”

Penulis





Syukur 15



MALAYSIA TIDAK MENGHALANG PENGANUT MENGAMALKAN AGAMA MASING-MASING

Negara kita Malaysia mempunyai pelbagai kaum, suku bangsa dan agama. Keberagaman ini membuatkan Malaysia kelihatan bagaikan sebuah lukisan yang cantik dan berwarna-warni. Kecantikan ini bertambah ceria dan mengembirakan apabila semua suku kaum, agama dan bangsa bekerjasama, bantu-membantu, bersatu di dalam keadaan aman damai.

Sesungguhnya bagi menjaga institusi kenegaraan yang utuh, unggul, terus gagah dan baik, kerajaan kita telah mengambil langkah yang tepat malah sesuai dengan ajaran Islam itu sendiri; iaitu memberi kebebasan penganut-penganut agama lain mengamalkan agama masing-masing secara yang bijaksana.


Agama Islam, Kristian, Buddha dan Hindu adalah antara agama-agama yang paling banyak dianuti di Malaysia. Hakikatnya semua agama ini mengajar umatnya untuk melakukan kebaikan, menjaga keamanan dan membangun insan dalam kehidupan masing-masing.

Semua penganut agama patutlah mengetahui bahawa semua agama yang mereka anuti itu bencikan perkelahian, pergaduhan, kemunduran dan kemiskinan malah semua


agama mahukan penganutnya bersikap terbuka, tidak ekstrim dan berpandangan jauh dalam pelbagai disiplin ilmu.

Keterbukaan wawasan kepimpinan kerajaan mengenai kebebasan dalam menganut dan mengamalkan agama yang melibatkan pelbagai bangsa adalah satu ketetapan yang tepat, patut dipuji dan patut kita syukuri.


Oleh itu, marilah kita bersama-sama menjaga keharmonian dan kedamaian semua agama ini agar ia dapat diurus dan diamalkan dengan lebih mulia, baik dan bersesuaian dengan makna Islam itu sendiri iatu "selamat dan sejahtera".



Semua agama mahukan umatnya berbudi mulia, bersatu hati dan maju seiring dengan perkembangan semasa.



Syukur 16



RAKYAT BERBILANG KAUM HIDUP HARMONI DAN BAHAGIA DALAM SATU NEGARA

Banyak negara di dunia ini yang warganegaranya berbilang kaum, tetapi kebanyakan mereka sering berbalah dan tidak berpuas hati sesama kaum. Bacalah akhbar-akhbar, majalah-majalah, dengarlah berita, tontonilah televisyen dan layarilah internet kita akan dapati setiap hari malah sepanjang masa ada saja perkelahian dan peperangan di antara kaum di dunia ini. **Tetapi ini tidak berlaku di Malaysia.**

Mereka tidak dapat bekerjasama untuk memajukan negara dan memberikan keharmonian bangsa malah akibat daripada ketidakpuasan hati dan dengki-berdengki maka berlakulah perkelahian, peperangan dan pembunuhan yang terus-menerus.

Perkara di atas berbeza di negara kita Malaysia. Masyarakat Melayu, Cina, India dan lain-lain saling berganding bahu dan berusaha untuk terus bersatu padu demi melihat sebuah negara yang seimbang pembangunannya baik dari segi rohani mahupun jasmani.

Adat budaya, agama dan bahasa yang pelbagai gaya dan cara menambahkan lagi keunikan dan kemesraan antara suku kaum dan bangsa yang ada, bukan sebaliknya.

Kemesraan, kebahagiaan dan kedamaian jiwa adalah antara kekayaan luar biasa yang dianugerahkan oleh Allah di negara kita. Oleh itu bersyukurlah kepada Allah dan berterima kasihlah kepada mereka yang diamanahkan bertanggungjawab memimpin negara.

Rakyat yang pandai berterima kasih, cintakan ilmu serta berdaya maju diikuti pemerintah yang adil dan bijaksana dalam menggunakan kuasa mereka adalah aset terpenting dalam menentukan halatuju kemajuan bangsa, agama dan negara pada masa akan datang.

Terimalah dengan hati terbuka **Anugerah damai, mesra dan bahagia dalam satu negara sebagai nikmat Allah. Maka ucapkanlah "Alhamdulillah".**


Muhasabah

Tegurlah orang yang berbuat kesalahan itu dengan bijaksana dan contoh yang mulia kerana dengan kebijaksanaan dan contoh yang mulia itu pula menjadikan anda seorang yang disukai oleh Allah dan terhindar dari sifat bermegah diri yang amat dibenci oleh Allah.




Mungkinkah sebuah Negara yang porak peranda masyarakatnya ceria seperti didalam gambar ini.







" Masyarakat tidak mungkin hidup sentosa dan bahagia apabila ia tiada mempunyai kemudahan asas kehidupan, tiada memiliki ilmu pengetahuan dan akhlak yang mulia. "

Penulis





Syukur 17



SKIM BANTUAN PENDIDIKAN

Hakikatnya semua orang tahu dan sedar, pada zaman awal kemerdekaan negara kita, peluang anak bangsa untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi baik di dalam negeri apalagi di luar negeri amat sukar disebabkan oleh kelemahan ekonomi negara ketika itu.

Hanya orang-orang tertentu yang kaya dan berharta sahaja berpeluang untuk terus belajar hinggalah ke menara gading.

Tetapi hari ini pelbagai skim bantuan pendidikan diberikan kepada rakyat Malaysia. Sebagai contoh dermasiswa, biasiswa, pinjaman dan pelbagai insentif telah diberikan kepada mereka yang cemerlang dalam pelajaran. Peranan ini biasanya dipikul tanggungjawab oleh yayasan-yayasan negeri, MARA dan PTPTN.

Kriteria pemberian bantuan pendidikan lebih ditumpukan kepada pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan awam dan orang-orang yang mempunyai pendapatan yang kecil.

Adanya kriteria yang lebih mengutamakan kecemerlangan adalah untuk memberi galakan dan motivasi kepada pelajar-pelajar agar bersungguh-sungguh dalam pelajaran mereka. Manakala kriteria yang mengutamakan ibu bapa yang

berpendapatan rendah adalah untuk memberi peluang kepada mereka untuk terus melanjutkan pelajaran dan tidak terhenti di tengah jalan kerana masalah kewangan.

Percayalah, tidak semua negara menawarkan bantuan seperti negara kita. Apa yang terjadi di negara-negara lain ialah mereka yang mempunyai pendapatan yang baik sahaja yang terus mendapatkan peluang pendidikan manakala yang miskin tetap seperti sediakala, di tahap yang sama, meskipun anak-anak mereka juga cerdik dan bercita-cita tinggi.

Keprihatinan berat kerajaan tentang pentingnya pendidikan akademik mahupun pendidikan kemahiran adalah suatu perkara yang perlu kita syukuri bersama. Sesungguhnya ini adalah satu rahmat yang diberikan Allah kepada kita. Kerajaan telah melabur beratus-ratus juta ringgit setiap tahun untuk skim pinjaman pendidikan ini.

Yakinlah!!! Hari demi hari dan peringkat demi peringkat perhatian terhadap pendidikan rakyat akan terus diperhati dan dimajukan. Rakyat yang sedar akan nikmat-nikmat besar ini sepatutnya tidak akan menjadi manusia yang kufur (tidak bersyukur) kepada Allah.

Sesungguhnya orang-orang yang bertanggungjawab dengan penyediaan peruntukan bantuan pendidikan dan memberikannya kepada pelajar yang cemerlang dan memerlukannya adalah orang-orang yang menggunakan akal fikirannya yang dianugerahi Allah di jalan yang benar dan mulia. Mereka sebenarnya menyokong pandangan Islam yang amat menitikberatkan pendidikan dan keilmuan. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:


"Siapa yang ingin cemerlang hidup di dunia wajib baginya

mempunyai ilmu, siapa yang ingin cemerlang hidup di akhirat wajib baginya mempunyai ilmu dan siapa yang ingin cemerlang di kedua-duanya sekali maka wajiblah baginya mempunyai ilmu".

Riwayat : Al-Bukhari & Muslim



Sesungguhnya Bantuan Pendidikan dan anugerah kecemerlangan ini telah berjaya mengubah masyarakat ke arah yang lebih cemerlang dalam pendidikan dan kehidupan.



PUSAT-PUSAT PENDIDIKAN DI MALAYSIA BAIK, SELESA DAN MODEN

Alhamdulillah, sejarah telahpun menceritakan kepada kita pada masa sebelum merdeka hanya orang-orang kaya sahaja yang boleh belajar ke peringkat yang tinggi, itupun sekolah Inggeris yang kebanyakannya dibuat daripada kayu dan belajar mata pelajaran tertentu sahaja.

Bagi orang Melayu yang berpendapatan sederhana dan miskin peluangnya hanya di sekolah-sekolah pondok dan masjid yang serba kekurangan. Mata pelajaran pula hanya pendidikan jawi, agama dan beberapa mata pelajaran lain.

Setelah merdeka satu demi satu sekolah Melayu dan kebangsaan dibangunkan. Bangunan yang dibuat daripada kayu diperbaiki dan dibangunkan pula bangunan baru daripada batu-bata.

Akhirnya sekolah yang hanya boleh memuatkan 100 hingga 200 orang pelajar, hari ini rata-rata mampu memuatkan 1000 hingga 2000 pelajar. Dahulu sekolah satu tingkat atau dua tingkat sahaja. Sekarang sekolah-sekolah kita mempunyai empat tingkat malah menyerupai universiti di luar negeri dari segi besar dan mewahnya.

Dahulu sekolah tiada berkomputer hanya menggunakan mesin

taip tetapi hari ini sekolah dilengkapi dengan komputer. Dahulu sekolah menggunakan kipas sahaja tetapi hari ini banyak sekolah telah menggunakan pendingin hawa.

Dahulu sekolah hanya dimiliki oleh kerajaan sahaja, sekarang sekolah kerajaan banyak, sekolah swasta pun banyak.

Alhamdulillah, pusat-pusat pendidikan di negara kita cepat berkembang maju. Pelajar-pelajar cukup selesa, mewah dan aman damai belajar. Tiada gangguan peperangan ataupun masalah kewangan. Semuanya dengan usaha kita bersama, usaha pemimpin yang bijaksana bersama rakyat yang matang. Sesungguhnya apa yang patut dan perlu kita ingat ialah, inilah antara tanda-tanda kebesaran Allah dan kasih sayangNya kepada kita yang tidak pernah melupakanNya.

Ingat! Bila kita mula melupakan Allah, Allah juga akan melupakan kita. Jika Allah melupakan kita, kita kehilangan tempat bergantung dan kehilangan pedoman hidup. Kita hidup moden tetapi tiada akhlak, tiada hati dan akhirnya bangsa melayu dan agama Islam kehilangan identiti yang murni.

Dunia hari ini sebenarnya bukan sahaja memerlukan manusia yang menguasai ilmu-ilmu moden tetapi dunia juga amat memerlukan manusia yang menguasai ilmu-ilmu yang berkaitan dengan kemuliaan jiwa atau akhlak diri yang suci, yang terhindar dari kejahatan dan kezaliman kepada diri dan orang lain.

Orang yang menguruskan kewangan sedangkan ia tidak mencintai ilmu akhlak, iaitu ilmu yang melatih jiwa menjadi diri yang mulia dan amanah, akan sewenang-wenangnya mengambil wang milik orang lain dengan cara yang salah lagi haram, inilah yang dibimbangkan.

Sesungguhnya dengan adanya pusat pendidikan yang lengkap dan guru-guru yang terlatih akan memungkinkan lahirnya manusia yang mencintai dunia dan merindui akhirat.

Kata-Kata Mutiara


"Jahatnya orang yang bodoh adalah sementara, jahatnya orang yang cerdas membawa sengsara yang lama". Oleh itu kecerdikan mestilah disertai dengan kemuliaan, ketakwaan dan kebijaksanaan.



Sekolah Dahulu



Sekolah sekarang



Syukur 19



BEKALAN AIR BERSIH

Siapalah yang sanggup minum air lembah, air sungai yang penuh dengan sampah sarap. Siapalah yang lebih suka minum air kotor berbanding air yang bersih? sedangkan "bersih" adalah tuntutan dalam setiap agama apatah lagi agama Islam. Sesungguhnya air adalah keperluan hidup manusia dan air yang bersih pula adalah menentukan kesihatan kita. Tentunya menjadi kebanggaan dan kesyukuran kepada kita apabila Malaysia termasuk antara negara yang paling kaya dengan sumber air bersih. Negara kita bukan sahaja memilikinya untuk keperluan penduduk negara malah air bersih boleh pula menjadi pendapatan negara.

Akhir-akhir ini kita dapat melihat sendiri perkembangan yang amat baik di Malaysia di dalam industri air mineral, iaitu air bersih yang boleh diminum tanpa perlukan pengawet dan campuran bahan yang lain.

Kita juga bersyukur ke hadhirat Allah kerana perubahan dan perkembangan yang ketara berlaku kepada Kampung halaman kita iaitu adanya bekalan air paip sampai ke rumah-rumah. Dahulu orang-orang kampung mandi di perigi atau di sungai tetapi hari ini tidak lagi hatta Orang-orang Asli yang tinggal jauh di pedalaman pun kebanyakannya telah mendapat kemudahan bekalan air paip ke rumah mereka. Penduduk

Malaysia tidak perlu lagi mengangkut air menggunakan tong dan baldi setiap hari untuk mendapatkan air minuman dari perigi atau sungai. Kini boleh memperolehnya di dalam rumah dan di bilik air yang disediakan. Kemudahan ini disediakan oleh kerajaan Malaysia. Berjuta-juta wang ringgit dibelanjakan untuk memastikan air bersih sampai ke rumah penduduk. Semuanya ini adalah untuk memberikan kemudahan dan sebagai langkah menjaga kesihatan masyarakat.


Dengan adanya kemudahan ini maka perubahan kehidupan kita pun berubah setapak lagi ke arah kemajuan. Inilah satu nikmat yang sepatutnya menambah Iman kepada Allah bukan bertambah kita kufur kepada Allah.

Kemudahan dan kekayaan yang Allah berikan ini wajiblah disyukuri bersama ketaatan kepada Allah yang tidak berbelah bahagi.


Walaupun bekalan air hari ini mudah kita dapatkannya di rumah-rumah, tetapi kita diminta dan amat digalakkan untuk berjimat cermat.

Berjimat cermat pada harta kita atau harta bersama atau harta kerajaan adalah suatu tuntutan dalam agama Islam. Ia memberikan kesan yang sangat baik dan mulia di sisi Allah dan demi kemuslihatan insan itu sendiri.

Oleh itu, janganlah ada di antara kita yang sewenang-wenangnya membuat pembaziran dan kerosakan kerana pembaziran dan kerosakan itu adalah sifat yang hina, sifat kejahatan yang dimiliki oleh syaitan. Sesungguhnya syaitan itu baik bagi orang-orang yang jahat dan amat jahat bagi orang-orang yang baik.



Syukur 20



BEKALAN ELEKTRIK

Sebelum merdeka atau semasa awal kemerdekaan negara kita, pelita dan lampu gasolin adalah cahaya yang menerangi setiap rumah terutama orang-orang Melayu. Kita masih ingat hidung kita mudah dilekati jelaga akibat menghidu asap pelita. Bertahun-tahun lamanya barulah lampu elektrik dimasukkan ke kampung-kampung, itu pun hanya dipasang pada waktu malam sahaja (12 jam). Sebuah janakuasa disediakan untuk menampung sebuah kampung. Pada ketika itu masyarakat merasa amat gembira dan bersyukur kerana tidak perlu lagi membeli minyak tanah dan memasang pelita.

Bertahun-tahun lamanya negara kita pun semakin kaya dan rakyat semakin senang. Mereka memohon pula kepada kerajaan untuk mendapatkan bekalan elektrik 24 jam. Akhirnya permohonan ini diluluskan oleh kerajaan sehinggalah hari ini.

Masyarakat tentulah dapat merasa dan membezakan betapa besarnya nikmat kemudahan yang Allah berikan kepada kita iaitu bekalan elektrik. Kini bertambahlah motivasi di hati masyarakat untuk membuat perubahan kehidupan dengan bekerja lebih kuat bagi mendapatkan peti sejuk, periuk letrik, blender, radio dan lain-lain.

Dahulu di kampung kemudahan TV hanya ada beberapa buah sahaja dan dikongsiikan seluruh penduduk kampung, tetapi

apabila letrik telah dibekalkan 24 jam hampir 80% penduduk-penduduk kampung telah memiliki sendiri televisyen selain turut memiliki radio, peti ais dan sebagainya.


Ini adalah kisah sebenar tentang kehidupan kita rakyat Malaysia. Tentulah kita berasa amat sedih apabila ada orang menyangkal dengan penuh kesombongan. Ketahuilah perubahan ini bukanlah terjadi dengan sendiri melainkan atas usaha rakyat, usaha kerajaan dan usaha semua orang yang sama-sama merancang. Apabila negara kita kaya dan masyarakat bersatu (tidak berkelahi) maka kemajuan seperti ini akan terus datang kepada kita sebagai nikmat Allah yang amat besar nilainya.

Oleh itu sewajarnya apabila kita mendapat nikmat apa saja, daripada Allah, hendak kita bersyukur, bukan sekadar melalui ucapan di mulut tetapi dengan kepatuhan atau ketaatan yang setia kepada Allah. Mudah-mudahan kita bahagia di dunia dan bahagia pula di akhirat. Amin.


Renungan

Bayangkanlah jika elektrik belum ada di negara kita, betapa sunyi dan gelapnya kita. Kita kehilangan maklumat melalui televisyen, kita kehilangan kemudahan peti sejuk, periuk elektrik, kemudahan IT dan lain-lain. Kilang-kilang tidak mampu beroperasi, tiada pelabur asing melabur di Malaysia. Kalau begitu, kita sebenarnya kembali ke zaman kuno.

- *Bersyukurlah kepada Allah dan berterima kasihlah kepada kerajaan dengan penuh keikhlasan dan kebahagiaan.*
- *Allahlah yang memberi nikmat manakala kerajaanlah yang melakukannya penuh tanggungjawab.*
- *Salahkah kita berbangga dan bersyukur?*



Syukur 21



KEMUDAHAN JALAN RAYA YANG BAIK DAN SEMPURNA

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana pada hari ini kita diberi kemudahan untuk pergi ke mana-mana, bukan kerana adanya kemudahan pengangkutan sahaja tetapi juga kerana adanya jalanraya yang begitu baik, luas dan cantik.

Cuba kita ingat, mulanya jalan diperbuat hanya untuk boleh dilalui oleh pejalan kaki, selepas itu diperbaiki sedikit sehingga bolehlah dilalui oleh basikal dan motosikal, lalu dibesarkan lagi sehingga boleh dilalui oleh motokar dan sebagainya.

Begitulah halnya jalanraya yang pada mulanya hanya tanah liat yang apabila hujan bertukar menjadi lumpur. Setelah itu dibubuh batu lada, setelah beberapa lama bertahan dengan batu lada kita tidak puas hati lalu, kita meminta pula supaya ia diturap dengan batu-batu kasar yang tidak ditar, dan akhirnya memohon lagi agar jalanraya supaya ditarkan pula.

Yang anehnya kita terus sahaja tidak puas hati, walaupun telah melalui pelbagai perubahan dan perkembangan. Jalanraya yang dahulunya hanya selebar 8 kaki kini diluaskan menjadi 12 kaki. Jalanraya yang dulu panjangnya hanya lima kilometer kini kita memohon lagi supaya ditambah lagi lima kilometer. Permohonan kita seolah-olah tidak ada hujungnya.

Semua contoh perubahan itu berlaku adalah dengan usaha kita bersama. Kerajaan sebagai pihak yang diamanahkan bagi memenuhi hasrat rakyat untuk kesenangan semua orang. Itulah peranan kerajaan kita hari ini. Oleh itu bersyukurlah kepada Allah s.w.t.

Marilah kita sama-sama membuka mata dan fikiran seluas-luasnya betapa Allah s.w.t. telah memberikan kemudahan jalanraya yang begitu baik. Dengannya mudahlah kita untuk berurusan sesama manusia dalam kehidupan seharian. Anak-anak mudah pergi ke sekolah. Peniaga mudah untuk berniaga dan para ahli masjid mudah untuk pergi ke masjid. Semuanya tidak perlu lagi meredah hutan atau berperahu membelah sungai.


Inilah antaranya nikmat-nikmat besar yang dianugerahkan Allah kepada kita melalui kerajaan Malaysia yang telah begitu lama memikirkan dan memperuntukkan kewangan yang berjumlah ratusan juta malah mungkin lebih dari itu untuk kemudahan kita semua.

Oleh itu sama-samalah kita melafazkan rasa syukur alhamdulillah atas nikmat ini dan ucapan terima kasih kepada mereka yang menjalankan amanahnya begitu cekap dan baik.


Muhasabah

Jadilah pemimpin dan rakyat yang baik nescaya kita dikasihi Allah dan segala makhluk-Nya yang baik.





Syukur 22



PUSAT PERUBATAN DAN HOSPITAL KERAJAAN

Sakit dan jangkitan penyakit bukanlah suatu perkara yang kita minta. Namun adanya sakit dan penyakit adalah merupakan ujian Allah s.w.t. dan Allah s.w.t. menyuruh kita menghindarinya dan berubat jika terkena musibah tersebut.

Apabila musibah itu berlaku kepada kita tentulah kita berusaha sedaya upaya pula mencari jalan penyelesaiannya. Antara jalan penyelesaiannya yang pertama ialah menghindarinya manakala yang kedua ialah mengubatinya. Dalam kedua-dua hal ini, pihak kerajaan amat mengambil berat dan menyediakan pelbagai kemudahan untuk rakyat.

Sesungguhnya negara kita hari ini bukan sekadar mengambil berat tentang kesihatan rakyatnya, malahan pusat-pusat perubatan atau hospital kerajaan begitu banyak dan amat mudah kita temui di mana sahaja, bermula dari kota hinggalah ke desa.

Cuba kita ingat sebelum merdeka dan pada awal era kemerdekaan negara kita, khasnya di kampung-kampung hatta di kota-kota pun ada masyarakat yang lebih mempercayai dan mengamalkan perubatan tradisional. Ini bukanlah bermakna perubatan tradisional lebih baik tetapi perkara ini berlaku akibat dari kurangnya pusat-pusat perubatan dan hospital moden kerajaan.

Kepercayaan dan amalan ditumpukan kepada cara perubatan tradisional disebabkan kurang atau sedikitnya pusat-pusat perubatan dan hospital moden kerajaan.

Kemudahan ini dapat kita temui di mana saja. Bagi rakyat yang kurang mampu pihak kerajaan memberikan rawatan percuma dan bagi yang mampu boleh mendapatkan rawatan pakar di pusat perubatan swasta.


Kemudahan seperti ini sepatutnya disambut dengan rasa kesyukuran kerana dengannya kita dijauhi Allah dari pelbagai penyakit dan kesakitan. Kemudahan yang ada ini juga akan menentukan kesihatan masyarakat, manakala masyarakat yang sihat pula akan mudah bekerja dan merancang kehidupan dunia mereka secara teratur dan bijaksana.

Mudah-mudahan kemudahan ini di anggap antara nikmat yang besar sebagai kurniaan Allah kepada hamba-Nya yang mahu berfikir.


Ambillah kesempatan faedah dan berita baik ini dengan hati terbuka untuk terus bersyukur kepada Allah. "Kenangkanlah sesungguhnya banyak lagi negara-negara lain yang belum mendapatkan kemudahan seperti di negara kita ini".

Renungan

Di antara tanda-tanda orang yang baik hatinya ialah ia mengucapkan terima kasih dengan penuh keikhlasan apabila ia diberikan sesuatu dan ia membalas jasanya pula apabila ia mampu.



Syukur 23



MALAYSIA MENGAMBIL BERAT TENTANG KESIHATAN AKAL DAN FIZIKAL RAKYATNYA

Alhamdulillah, kita sebagai seorang manusia berbeza dengan makhluk Allah yang lain. Perbezaan itu antaranya terletak pada fikiran dan perasaan atau disebut juga sebagai akal. Sesungguhnya dengan akallah kita boleh membezakan mana yang lebih baik, kurang baik, mana yang jahat, mana yang penting, yang kurang penting dan yang sama sekali tidak penting.

Dengan akal dan badan yang sihat pula, kita boleh berkembang dari kehidupan yang penuh dengan kemunduran kepada kehidupan yang penuh dengan kemajuan.

Dengan akal dan tubuh badan yang sihat juga kita boleh mengenali siapa diri kita dan siapa Tuhan kita. Kita dapat mengetahui bahawa kita adalah makhluk Allah yang hebat, sedangkan Allah yang mencipta kita tentulah lebih hebat daripada kita pula. Dialah yang menciptakan alam ini dan segala ilmu pengetahuan baik yang kita ketahui atau yang belum kita ketahui. Oleh itu jatuhlah hukum wajib kepada kita untuk sujud kepada Allah s.w.t.

Dengan akal dan jasmani yang sihat kita mampu untuk saling membantu, sayang-menyayangi sesama manusia. Kita tidak boleh menzalimi orang lain, menyakiti hatinya, kata-mengata, umpat-mengumpat, kutuk-mengutuk. Semuanya ini dilarang,

sedang Allah suka kita bersatu hati dan tolong-menolong dalam membangunkan bangsa, agama dan negara.

Saudara! Berkaitan dengan kepentingan menjaga kesihatan akal dan jasmani, kita tidak dapat nafikan bahawa pihak kerajaan amat mengambil berat perkara ini. Sejak mula merdeka, bermula dari kawasan kota raya hingga ke kampung halaman yang amat jauh dari bandar, hatta terpaksa menaiki perahu atau helikopter sekalipun (tiada jalan darat). Mereka yang bertanggungjawab tetap pergi demi untuk melihat rakyat Malaysia mempunyai kesihatan yang baik.


Lihat saja di dada akhbar atau sebarang media massa terkini, Hampir setiap hari tersiar berita tentang kempen kesihatan, bantuan atau pertolongan kesihatan yang diberikan oleh pihak kerajaan baik yang berbentuk hadiah atau perubatan percuma, pembesaran hospital atau pusat-pusat kesihatan, pembelian alat-alat canggih untuk perubatan rakyat dan lain sebagainya yang tidak mampu disebut satu persatu lantaran terlalu banyak keistimewaan yang telah sama-sama kita kecapai bersama.

Oleh itu, bersyukurlah kepada Allah atas kesedaran dan keperihatinan kerajaan terhadap rakyatnya tentang kepentingan kesihatan jasmani dan akal.


Sesungguhnya Allah melarang keras mereka yang menggunakan kesihatan akal fikiran dan tubuh badan yang sihat ini untuk kelalaian, kejahatan dan kepentingan diri sendiri sahaja.

Mutiara Kata

- *Orang yang bijaksana, ia menggunakan segala nikmat pemberian Allah kepadanya dengan bijaksana pula.*
- *Bijaksana itu ialah membuat keputusan dengan menggunakan akal tanpa meninggalkan al-Quran sebagai*



Syukur 24



PERHUBUNGAN TEKNOLOGI KOMUNIKASI DI MALAYSIA MELUAS

Dahulu jika saudara atau sahabat handai tinggal berjauhan, suratlah menjadi penghubung. Kiriman surat akan sampai setelah dua atau tiga hari. Itu dari bandar ke bandar sedang dari bandar ke kampung pendalaman, kiriman surat akan sampai setelah lima atau enam hari. Ketika itu telefon bukannya tidak ada tetapi ia ada di bandar-bandar sahaja. Di kampung-kampung belum ada. Telefon awam pun belum ada. Masyarakat di kampung-kampung ketika itu ketinggalan maklumat tentang perkembangan negara sendiri.

Hakikatnya zaman telah berubah. Pengetahuan masyarakat pun berubah. Kemiskinan diganti dengan kekayaan. Kemiskinan dan kelemahan telah berubah menuju ke arah kekayaan dan kegagahan ilmu pengetahuan. Dengan segala perkembangan tersebut dan dengan perancangan kerajaan yang teratur di sertai kekuatan kewangan masyarakat yang mencukupi, akhirnya hari ini dapat kita melihat dengan jelas penggunaan telefon awam, telefon di rumah, telefon bimbit, faks dan e-mail digunakan tanpa sempadan. Masyarakat pun tidak lagi canggung menggunakan segala kemudahan ini. Kemudahan ini siapa pun boleh menggunakannya. Pekerja yang berpendapatan rendah juga mampu menggunakannya kerana ia bukanlah terlalu mahal.

Sebenarnya teknologi komunikasi dan maklumat ini amat

penting kepada kita bukan sahaja untuk urusan peribadi dan alat penghubung silaturrahim, lebih dari itu ialah komunikasi perdagangan dan perniagaan antara usahawan-usahawan dengan pelanggan-pelanggan baik di dalam negeri mahupun di luar negara.


Kepantasan dan kemudahan telekomunikasi maklumat seperti telefon bimbit dan e-mail juga telah mengubah cara hidup dan keperibadian bangsa dari lambat menjadi cepat, sebagaimana kata seloka orang tua-tua "Pat-pat nya; siapa cepat dia punya".

Kita terpaksa menerima bahawa dunia hari ini menuntut segalanya cepat, pantas, lengkap dan berkualiti. Siapa yang masih lagi merangkak akan kalah berbanding dengan mereka yang mula berjalan dan berlari dengan pantas. Oleh kerana negara kita sudah mula berlari dengan pantas dalam hal-hal sebegini, apa salahnya kita turut mengikutinya dan menambah satu lagi keperibadian mulia iaitu sentiasa ingat pada Pencipta kita. Dialah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Dialah Yang Menghidup dan Yang Mematikan. Dialah yang menjadikan kita untuk berubah maju dan Dialah jua tempat kita mengadu dan bersyukur.

Oleh itu, marilah kita sama-sama melafazkan rasa syukur dan bangga tinggal di Malaysia. Nikmat kemudahan dan kecanggihan yang disediakan oleh kerajaan adalah merupakan nikmat kurniaan Allah. Maka janganlah kita menentang kerajaan apatah lagi menentang al-Quran. Mudah-mudahan kita adalah hambaNya yang bersyukur.

Muhasabah

Kalau perkara dunia kita sanggup berkorban waktu dan bekerja kuat tentu sekali untuk perkara akhirat pula kita mampu berkorban waktu dan semakin taat; sedang akhiratlah tempat yang lebih kekal, manakala dunia ini hanyalah sementara.



SKIM PINJAMAN PERNIAGAAN

Alhamdulillah, hari ini kalau kita perhatikan sudah ramai peniaga-peniaga Melayu mula memberanikan diri untuk menceburkan diri dalam dunia perniagaan yang sebelum ini dikuasai sepenuhnya oleh kaum-kaum lain.

Ramainya bilangan mereka mula menceburkan diri dalam dunia perniagaan ini bukan hanya mereka termotivasi kerana ajaran agama Islam yang sangat menggalakan pekerjaan melalui perniagaan, tetapi peluang-peluang yang diberikan oleh pihak kerajaan kepada peniaga-peniaga kecil atau sederhana Melayu amat terbuka untuk terus berkembang dan bersaing di pasaran.

Peluang-peluang perniagaan dapat kita ketahui melalui banyaknya bantuan berbentuk pinjaman modal perniagaan yang diberikan oleh bank-bank, badan-badan atau pertubuhan-pertubuhan tertentu.

Galakan dan arahan kerajaan kepada bangsa Melayu mencebur diri dalam perniagaan adalah untuk membuka dan meluaskan minda orang-orang melayu tentang pentingnya kekuatan ekonomi dalam pembangunan bangsa, agama dan negara.

Dengan pelbagai skim pinjaman dan modal perniagaan ini kita dapati banyak kilang makanan, ubatan, restoran, kedai runcit dan berbagai-bagai perniagaan lain ditubuhkan di seluruh

negara.

Kemudahan ini sepatutnya diambil peluang sepenuhnya oleh orang Melayu terutamanya siswazah yang sedang menganggur untuk mengubah cara hidup mereka ke arah yang lebih mencabar dan lebih berpotensi untuk maju dalam kerjaya hidup mereka.

Minda Melayu lama yang hanya merasa cukup dan selesa bekerja dengan kerajaan, bertani kecil-kecilan itu perlulah diubah kepada perniagaan besar-besaran yang tidak hanya bersaing di pasaran negara tetapi mungkin di pasaran antarabangsa.


Sesungguhnya dengan adanya skim pinjaman perniagaan ini patutlah disyukuri dan dinikmati dengan menggunakannya sebaik mungkin.

Kalau kita benar-benar berfikiran terbuka dan ikhlas, marilah kita melihat sejenak perkembangan dunia hari ini. Siapakah di kalangan jutawan-jutawan dunia? Pekerjaan apa yang mereka usahakan? Siapakah penyumbang-penyumbang yang baik hati sehingga mampu menyumbang ribuan malah jutaan ringgit kepada tabung-tabung kebajikan? Jawabnya mudah dan ringkas; mereka kebanyakannya terdiri daripada ahli-ahli perniagaan atau ahli korporat yang berjaya, bukan hanya bekerja dengan kerajaan.

Kejayaan ahli-ahli perniagaan ini bukanlah diraih dengan mudah, melainkan mereka bermula dari perniagaan kecil yang kemudiannya menjadi besar. Mereka bermula dari bersusah-susah, kemudian barulah menikmati kesenangan. Itulah ajaran Islam rujuk surah al-Insyirah ayat : 6 "*Sesungguhnya bersama (bermula) kesusahan barulah memperolehi kesenangan*".

Pepatah Melayu berkata,

"Sedikit-sedikit lama-lama menjadi bukit".



KEMUDAHAN PINJAMAN HARTANAH

Di negara kita masih banyak tanah yang belum diusahakan, terbiar dan tidak digunakan dengan sepenuhnya. Padahal tanah negara kita amat subur tidaklah seperti beberapa negara lain.

Dahulu untuk memiliki tanah sangat mudah. Sesiapa yang rajin menerokai dan mengusahakannya boleh memohon dengan Pejabat Tanah. Untuk memiliki atau membeli tanah, harganya tidaklah semahal tanah hari ini. Kini harga tanah di bandar-bandar sesuku ekar sahaja ada yang hampir mencecah RM 100,000.

Tentulah dengan mahalnya harga tanah ini akan menyulitkan individu untuk memilikinya. Namun hari ini segala kesulitan itu boleh diatasi dengan membuat pinjaman daripada sebarang bank yang ada. Peluang untuk membuat pinjaman terbuka lebih luas lagi apabila bayaran ansuran bulanan tidaklah terlalu tinggi. Bagi peminjam yang usianya masih muda boleh membayarnya kembali dalam tempoh 25 hingga 30 tahun. Bagi mereka yang bekerja kerajaan atau swasta, bayarannya boleh di buat melalui potongan gaji bulanannya.

Kemudahan yang ada di negara kita ini adalah suatu kelebihan yang patut kita syukuri. Tidak semua negara lain di dunia ini

mengamalkan cara dan dasar yang sama seperti yang diamalkan di negara kita. Sesungguhnya inilah di antara bukti bahawa adanya suatu keistimewaan yang tersendiri kepada rakyat Malaysia.

Oleh itu tanggungjawab kita adalah mengambil kesempatan ini sebaik mungkin. Gunakanlah tanah untuk mengadakan projek yang menguntungkan agar peningkatan ekonomi rakyat bertambah baik dan akhirnya kita mengucapkan berbanyak terima kasih kepada siapa saja yang telah membuat dan meluluskan dasar pinjaman tanah ini kepada rakyat.

Jagalah tanah kita dengan baik, jangan sampai dimiliki oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Usahakannya dengan gigih dan tekun mudah-mudahan ia memberi perolehan yang baik pula kepada pemiliknya.

Kata-kata Hikmah

Orang yang pandai membezakan


- *Baik dengan yang lebih baik*
- *Buruk dengan yang lebih buruk*
- *Penting dengan yang lebih penting*
adalah tergolong golongan orang yang bijak.

Manusia yang paling beruntung:

Panjang usianya, kuat kerjanya, ikhlas ibadahnya, besar baktinya kepada agama, bangsa dan negara.

Manusia yang paling malang:

Panjang usianya, malas kerjanya, lemah ibadahnya, tiada baktinya pada agama, bangsa dan negara.



Syukur 27

KEMUDAHAN PINJAMAN PERUMAHAN

Alhamdulillah, kerajaan kita telah memperuntukkan beratus-ratus juta skim pinjaman perumahan kepada kakitangan kerajaan setiap tahun. Begitu juga bank-bank tempatan menawarkan pinjamannya kepada masyarakat yang memerlukan. Kemudahan pinjaman ini dibuat kerana pihak kerajaan amat mengetahui keperluan masyarakatnya.

Dengan adanya kemudahan pinjaman ini, kita dapatlah membina atau membeli rumah sendiri. Tidak perlulah kita menyewa rumah orang untuk menginap sekeluarga sampai berpuluh-puluh tahun lamanya. Memanglah sangat menyiksakan, apatah lagi tinggal di kota raya seperti Kuala Lumpur. Rumah yang kecil pun sewanya sehingga RM500 sebulan. Pendapatan hanya RM1500 ditolak makan dan minyak kenderaan, tuhan sajalah yang tahu betapa susahnyanya kita.

Bersyukurlah kepada Allah kerana Allahlah yang telah membuka pintu hati para pemimpin untuk kasih kepada rakyatnya sehinggalah mereka bersetuju meluluskan semua peruntukan yang berjumlah beratus-ratus juta ringgit.

Oleh itu, jangan sekali terlintas di dalam fikiran kita, kenapakah kerajaan tidak memberi rumah percuma kepada kita? Kalau

begitulah kita berfikir, maknanya kita ini lemah dan dayus. Binatang di hutan pun banyak yang pandai membina tempat kediaman sendiri walaupun tidak mempunyai akal fikiran seperti kita.

Bersyukurlah kepada Allah dengan iman yang ada di hati kita beserta anugerah fikiran yang begitu besar peranannya. Oleh itu, marilah kita berdoa bersama-sama agar segala usaha kerajaan dalam memberikan kemudahan yang baik kepada masyarakat akan mendapat pahala yang besar di sisi Allah dan begitulah sebaliknya.


Renungan

Rumah itu bolehlah disebut sebagai "Baiti Jannati"/Rumahku Syurgaku" apabila


- *Dihiasi dengan alunan al-Quran*
- *Anak-anak penyujuk mata dan berjaya dalam pelajaran mereka*
- *Suami dan isteri berganding bahu*
- *Ayah dan ibu menjadi contoh mulia kepada anak-anak*
- *Suasana rumah tertib, ceria dan suci*
- *Rezeki melimpah-ruah dan disyukuri*



Kerajaan telah menyediakan banyak rumah untuk dijual dan dibeli dengan cara yang mudah.



Syukur 28



BANTUAN PENTERNAKAN DAN PERTANIAN

Alhamdulillah, kerajaan sedar bahawa tanpa bantuan yang diberikan kepada masyarakat untuk mengadakan projek sama ada penternakan mahupun bercucuk tanam, masyarakat akan kesulitan untuk mengadakannya dan seterusnya untuk mengembangkan lebih besar projek tersebut.

Sekarang tidak lagi seperti dahulu. Dahulu orang Melayu berternak atau bertani hanya untuk keperluan sendiri dan keluarga. Hari ini berbeza, perkara yang sama boleh dijadikan satu pekerjaan yang tetap dan amat menguntungkan jika usaha, pengurusan dan pemasaran dibuat dengan baik.

Kita boleh mendapatkan nasihat daripada pihak-pihak tertentu untuk mendapatkan maklumat yang tepat, seterusnya memohon pinjaman melalui pelbagai bank tempatan terutamanya Bank Pertanian, yang membuka luas kepada orang Melayu atau bumiputera untuk mengubah gaya hidup mencabar, bukan sekadar kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang atau hanya berkebun dan berternak untuk memenuhi masa terluang sahaja. Oleh itu terserahlah kepada kita, mahu ataupun tidak.

Kita harus menerima hakikat dan mengaku kelemahan kita. Sifat **Malas** adalah perkara yang paling menghantui diri, tidak

mahu mendapatkan maklumat terbaru, tidak mahu mengubah diri, tidak mahu bekerjasama, takut kepada **penat**, lebih suka berehat, malas berfikir dan tidak mahu meminta nasihat orang lain. Itulah **penyakit parah yang terus berjangkit di kalangan bangsa kita**, yang akhirnya kita seperti katak di bawah tempurung; terasa maju di kalangan orang yang tak maju dan merasa kaya di kalangan orang yang miskin dan merasa alim di kalangan orang yang jahil.


Semua sifat di atas membuatkan kita ketinggalan berbanding bangsa-bangsa lain, padahal kerajaan telah membuka seluas-luasnya untuk kita maju dalam semua hal termasuk melalui kerja-kerja penternakan dan pertanian.

Kesempatan yang diberikan oleh pihak kerajaan untuk bertani dan berternak hendaklah diambil manfaat sebaik-baiknya. Jangan lepaskan peluang untuk mendapatkan bimbingan dan pinjaman daripada pakar dan pihak tertentu. Usahakanlah tanah-tanah yang terbiar itu. Mudah-mudahan Allah s.w.t. memberikan rezeki yang melimpah kepada kita kerana berbudi kepada tanah dan menggunakan segala nikmat Allah ke jalan yang mulia.


Renungan

Orang kaya yang berhati mulia tidak akan sombong kerana ia tahu sebahagian daripada kekayaan itu adalah kesusahan. Kesusahanlah yang membuatkan seorang itu memperolehi kesenangan manakala mempertahankan kesenangan mestilah melalui kesusahan.

Oleh itu, orang yang susah jangan dihina, kerana orang susah itu sebenarnya diri kita sendiri.



Syukur 29



MUDAHNYA MENDAPATKAN PEKERJAAN

Perhatikan orang-orang asing seperti Indonesia, India, Bangladesh, Cina dan Filipina yang datang ke Malaysia. Mereka tidak ada yang menganggur, malah ramai di antara mereka yang boleh mengecap kekayaan lebih daripada masyarakat tempatan. Kenapa ini terjadi? Jawabnya mereka rajin bekerja, mereka tidak memilih pekerjaan, mereka tidak takutkan kepenatan dan mereka terhindar dari penyakit **malas** dan **manja**.

Sepatutnya, beginilah yang mesti diikuti oleh masyarakat tempatan. Asalkan pekerjaan itu halal dan baik maka bekerjalah dengan penuh kesungguhan dan keikhlasan.

Di Malaysia sebenarnya peluang untuk mendapatkan pekerjaan amat luas baik dengan kerajaan, swasta atau menjadi usahawan dalam bidang pertanian, penternakan dan pelbagai bentuk perniagaan.

Hari ini ramai masyarakat tempatan dan lulusan dari institusi pengajian tinggi menganggur **bukan kerana tidak ada pekerjaan tetapi kerana mereka amat memilih pekerjaan**. Ada di kalangan mereka yang hanya berminat untuk bekerja apabila ada gaya, bergaji mahal, berprestij, kurang penat, tidak kotor dan kerja mudah. Inilah antara penyebab pengangguran

berlaku di Malaysia.

Dengan demikian ramailah graduan universiti awam dan swasta yang menganggur, padahal perkara itu tidak seharusnya berlaku. Dunia perniagaan, pertanian, kerja-kerja kilang begitu banyak disediakan oleh kerajaan mahupun swasta.

Kalaulah Malaysia ini bukan tempat yang mempunyai peluang pekerjaan yang banyak, tidak mungkin begitu ramai hinggakan melebihi satu juta warganegara asing datang ke sini secara sah atau haram untuk mendapatkan pekerjaan dan kekayaan.

Nilailah dengan fikiran yang matang dan terbuka bahawa sesungguhnya negara kita adalah negara yang kaya, negara yang menyediakan tempat untuk kita mencari nafkah diri dan keluarga. **Kita tidak perlu lagi ke luar negara, naik bot dan menjadi pendatang haram di negara orang.**


Oleh itu, bersyukur dan berterima kasihlah kepada Allah dan mereka yang bertanggungjawab membela bangsa agama dan negara.

Muhasabah


Bekerjanya orang yang mulia bukan untuk mendapatkan rezekinya sahaja tetapi juga untuk mereka yang memerlukan jasa, mengorbankan masa, jiwa dan harta demi akhiratnya.



Salah satu pekerjaan yang mendatangkan hasil yang lumayan.



Syukur 30



KEMUDAHAN PINJAMAN KENDERAAN

Walaupun perkara ini nampak remeh tetapi ia memberi keselesaan kepada kita dan seluruh masyarakat Malaysia. Di mana letaknya keselesaan? Jawapannya ialah pada kemudahan dan kecepatan untuk pergi bekerja, berurusan dengan pelanggan, menziarahi sanak saudara dan lain-lain.

Bayangkanlah apabila masyarakat tiada berkenderaan, segala urusan akan menjadi lambat. Peniaga memerlukan kenderaan untuk membawa barang-barangnya, penoreh getah memerlukan kenderaan untuk membawa getahnya, kakitangan kerajaan memerlukan kenderaan untuk pergi ke pejabat dan begitulah seterusnya.

Percayalah, tidak semua negara di dunia ini menawarkan skim pinjaman kenderaan kepada masyarakatnya. Walaupun ada mereka terlebih dahulu melihat kemampuan rakyatnya. Kalau rakyatnya miskin, tidak mampu membayarnya kembali, bagaimana pinjaman hendak diberikan?

Di negara kita terdapat kemudahan membeli kenderaan yang disediakan oleh kerajaan kepada kakitangannya. Begitulah juga di bank-bank tempatan, ia menawarkan skim pinjaman membeli kenderaan kepada masyarakat dengan harga berpatutan,

mudah dan mampu dibayar balik oleh setiap rakyat secara ansuran yang mudah.

Cuba kita renung kebelakang sebelum merdeka atau era awal kemerdekaan. Kenderaan bermotor seperti motorsikal dan kereta boleh dibilang dengan jari; tetapi hari ini hampir setiap rumah mempunyai kenderaan sekurang-kurangnya motosikal. Ada sesetengah rumah mempunyai sampai lima atau enam buah kenderaan peribadi, inilah yang di panggil rezeki yang Allah beri. Dengan adanya kemudahan bantuan daripada bank-bank dan jabatan kerajaan ini, maka patutlah kita bersyukur. Sesungguhnya tanpa adanya skim bantuan ini, kita akan kesulitan untuk mendapatkan wang yang banyak untuk membeli kenderaan secara tunai.

Alhamdulillah, hari ini, rata-rata masyarakat Malaysia memiliki kenderaan sendiri. Ini disebabkan oleh dasar kerajaan yang memberi kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat.

Syukurlah, gunakanlah segala kemudahan yang diberikan oleh Allah s.a.w. itu ke jalan yang mulia dan benar.

Ingatlah,

Kebahagiaan, kemakmuran, kesenangan dan kekayaan bagi sesebuah negara itu adalah berpunca daripada kecekapan pengurusan, ketinggian ilmu dan akhlak serta kesungguhan dalam berusaha oleh pemimpin dan rakyatnya.

Nasihat


Gunakanlah kemudahan kenderaan ini untuk melakukan perbuatan yang mulia dan jangan sekali menggunakannya untuk perbuatan yang hina.

Renungan


Benarkah manusia apabila semakin mewah dan semakin banyak kemudahan maka mereka semakin sombong dan semakin malas pula dalam kehidupan? Jika jawapannya "ya" maka hindarilah sifat tersebut kerana ia amat dibenci oleh Allah.



Kita berbangga dan bersyukur Malaysia mampu mengeluarkan kereta sendiri



Syukur 31



BANTUAN KEMASYARAKATAN

Syukur kepada Allah kerana di negara kita kesedaran untuk membantu masyarakat yang memerlukan bantuan cukup tinggi.

Kesedaran tersebut dapat dibuktikan dengan adanya banyak pertubuhan dan badan yang memperjuangkan nasib mereka yang memerlukan bantuan tersebut. Sebagai contoh rumah-rumah kebajikan anak-anak yatim, persatuan ibu tunggal, rumah orang-orang tua, persatuan orang-orang cacat, sekolah kanak-kanak istimewa yang bertambah saban tahun.

Semua pertubuhan atau badan seumpama itu mendapat bantuan dan perhatian yang amat baik daripada kerajaan mahupun masyarakat. Bantuan mencurah-curah baik berupa wang ringgit atau tenaga sukarela.

Bantuan-bantuan juga diberikan kepada orang-orang tua yang tidak berupaya untuk bekerja, orang-orang yang dilanda musibah seperti kebakaran atau tanah runtuh dan lain-lain. Bantuan-bantuan ini selalunya disalurkan oleh badan-badan berkanun kerajaan melalui Yayasan-yayasan Negeri, Yayasan Basmi Kemiskinan, kemajuan masyarakat dan lain-lain.

Negara kita juga mempunyai dermawan yang sedia membantu mereka yang memerlukan sebagaimana yang selalu kita baca

di dalam akhbar dan media massa yang lain.

Inilah antara tanda-tanda kemuliaan hati masyarakat dan kerajaan negara kita terhadap mereka yang memerlukan.

Prihatin dan mulianya hati budi mereka ini, kita harapkan berterusan dan berpanjangan sepanjang zaman.

Kesedaran dan keprihatinan yang mendalam dan luar biasa ini wajiblah disyukuri oleh seluruh masyarakat Malaysia baik yang beragama Islam, Hindu, Kristian, Buddha dan lain-lain. Ia adalah suatu perkara yang amat dibanggakan oleh semua pihak.

Sesungguhnya kemuliaan sesuatu bangsa dan negara itu antaranya terletak pada kemuliaan hati budi dan pandainya membalas jasa.

"Sesungguhnya Allah akan terus menolong kamu selagi kamu masih menolong orang lain".

"Sayangilah saudara-saudaramu (orang lain) sebagaimana kamu menyayangi dirimu sendiri".



→→→→→
Kesimpulannya
→→→→→

Yakinilah bahawasanya Allah S.W.T akan memberikan tambahan nikmat yang lebih banyak, besar dan baik apabila kita bersyukur kepadanya dengan penuh keikhlasan dan ketaatan, sebagaimana firman Allah S.W.T dalam Surah Ibrahim ayat ke 7.

﴿وَإِذْ نَادَىٰ رَبُّكُمْ لَنْ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلَنْ كَفَرْتُمْ إِنَّ

عَذَابِي لَشَدِيدٌ ﴿

سورة إبراهيم : ٧

Maksudnya:

"Ketika tuhanmu memberi tahu (kepadamu) : Demi sesungguhnya jika kamu berterima kasih (kepada Allah) nescayaKu tambahkan nikmat kepadamu tetapi jika kamu kufur kepadaKu (tidak berterima kasih). Sesungguhnya siksaanKu amat pedih."

(Surah Ibrahim : 7)

"Bersyukurlah bersungguh-sungguh untuk duniamu, Beribadatlah bersungguh untuk akhiratmu, jadilah kamu orang yang bersyukur dan jangan sekali menjadi orang yang kufur".

(Penulis)

